

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PULAU PINANG)
PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN
PENGKOMERSILAN

KETUA PTJ :

AHMAD RASHIDY BIN RAZALI

KETUA UNIT KUALITI :

ZUHaida BINTI MOHD ZAKI

PENYELARAS :

NORHASLINDA BINTI HASSAN

PENULIS :

1. NAZIMA BINTI VERSAY KUDUS
2. JOTHEE MATHAI A/P N.O. MATHAI
3. NOOR AZLI BIN AFFENDY LEE
4. MUHAMMAD USAMAH BIN MOHD RIDZUAN
5. LEOW MIN HUI
6. NUR FATIN SHAHMINA BINTI MOHD FAUZEY
7. ANWAR FARHAN BIN MOHAMAD MARZAINI

8. MARNI BINTI JAMIL
9. NUR HUSNA BINTI SERIP MOHAMAD
10. ISMA NOORNISA BINTI ISMAIL
11. NUR ILIANIS BINTI ADNAN
12. 'IMAADUDDIN BIN ABDUL HALIM
13. NAJWA ALYAA BINTI ABD WAKIL
14. ZAITON BINTI DIN
15. AZIZON BINTI SALLEH
16. ADLAN BIN SAIDIN
17. MUHAMMAD ANAS BIN IBRAHIM
18. MUHAMMAD BIN CHE SAAD
19. ROFIZA BT ABOO BAKAR
20. ZULKIFLI BIN HAJI DAHALAN
21. HISYAM BIN MOHD RADZI
22. MASTURA BINTI RAZALI
23. NORHASLINDA BINTI HASSAN
24. NORHASLINDA BINTI HASSAN
25. AINORKHILAH BINTI MAHMOOD
26. KAY DORA BINTI ABD GHANI
27. SALINA BINTI ALIAS

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) telah beroperasi sejak 16 Jun 1996. Pendekatan perancangan yang dipraktikkan oleh Pengurusan Kanan UiTM CPP berlandaskan kepada Visi dan Misi UiTM iaitu menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan serta menjuarai pembangunan Bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak tinggi. Dalam merealisasikan hasrat UiTM CPP, Pengurusan Kanan adalah diketuai oleh Rektor sebagai penggerak utama Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) yang merupakan jawatankuasa tertinggi di peringkat eksekutif kampus yang dibantu oleh Ketua Pusat Tanggungjawab dari setiap bahagian/fakulti/jabatan/unit serta jawatankuasa-jawatankuasa kecil di peringkat operasi. Segala perancangan yang dilakukan MESTI mendapat kelulusan Rektor bagi memastikan ia selaras dengan Visi, Misi dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Pengurusan Kanan UiTM CPP amat komited dalam memastikan kejayaan dan kemajuan universiti untuk mencapai universiti unggul bertaraf antarabangsa menjelang 2025. Mereka bertanggungjawab memastikan segala perancangan dilaksanakan dan mencapai petunjuk prestasi (PI) kampus. Berdasarkan bidang tumpuan Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan, Pengurusan Kanan mengamalkan Plan-Do-Check-Act (PDCA) dalam pelbagai aspek pengurusan untuk mencapai kualiti dan keberkesanan yang lebih baik.

Pengurusan Kanan UiTM CPP menerusi Unit Strategik Transformasi Universiti (USTU) merancang (PLAN) ke arah bidang tumpuan dengan menetapkan matlamat strategik (*UiTM2025 Strategic Plan*). Dari segi penyelidikan, objektif yang jelas digariskan dan pelan penyelidikan yang terperinci disediakan oleh Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A) untuk menghasilkan penyelidikan yang inovatif dan berimpak yang memenuhi keperluan industri dan komuniti. Sasaran tahunan ditetapkan untuk penerbitan melalui Petunjuk Indikator (PI) untuk jumlah dan kualiti penerbitan dalam jurnal yang diiktiraf. Rancangan juga dibuat untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan dan harta intelek serta kerjasama dengan rakan strategik termasuk agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Perancangan dilaksanakan (DO) dengan penyebaran maklumat kepada warga UiTM CPP secara sistematik dan efektif melalui platform digital seperti e-mel, WhatsApp, laman sesawang dan laman media sosial rasmi UiTM CPP (Facebook, Instagram, YouTube) serta PJIM&A.

Pemantauan (CHECK) terhadap perancangan dan pelaksanaan di dalam bidang tumpuan dilakukan melalui penilaian prestasi oleh USTU, PJIM&A dan Pengurusan Kanan. Proses ini penting untuk menentukan kejayaan sasaran yang digariskan serta mengenal pasti punca kegagalan. Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTM CPP juga berperanan mengurus risiko dan menangani cabaran yang memberi impak kepada pencapaian sasaran UiTM CPP.

Usaha penambahbaikan (ACT) penting dalam meningkatkan prestasi dalam bidang tumpuan. Pengurusan Kanan UiTM CPP merangka strategi melalui pembentangan pencapaian berkala. Seterusnya, perkongsian ilmu dan perbincangan melalui webinar, bengkel dan kursus berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan diatur untuk meningkatkan pencapaian. Sesi ini akan menambah ilmu dan membantu kakitangan UiTM CPP membuat penambahbaikan di dalam bidang tumpuan. Selain itu, UPR juga berperanan memastikan operasi berjalan lancar dan mencapai matlamat strategik dengan risiko yang minimum. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan keberkesanan operasi di dalam bidang tumpuan dan pencapaian matlamat strategik.

Sebagai kesimpulan, dengan mengamalkan PDCA, Pengurusan Kanan UiTM CPP akan lebih

berkesan dan enerjik di dalam bidang penyediaan, penerbitan dan pengkomersialan. Selain itu, langkah-langkah juga diambil untuk menyokong konsep Revolusi Industri 5.0 (IR 5.0) yang menekankan integrasi teknologi. Ini akan memastikan kakitangan UiTM CPP dapat menyumbang dengan lebih berkesan di dalam bidang tumpuan, sekaligus memartabatkan lagi kedudukan bumiputera di persada antarabangsa.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan UiTM CPP memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Hasil kerjasama Pengurusan Kanan dengan USTU dan PJIM&A, beberapa pendekatan telah dirangka bagi memastikan hala tuju dan perancangan strategik dapat dicapai, sekaligus menjayakan bidang tumpuan.

Dalam usaha menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka menjelang 2025 (GRU2025), UiTM telah **mewujudkan dokumen Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025)** (Lampiran 1.2.1)

Daripada tiga (3) aspirasi yang ditekankan, salah satunya adalah pencapaian ke arah **Kecemerlangan Global** di mana lima (5) sasaran telah digariskan iaitu UiTM disenaraikan dalam *Top 300 in QS World Ranking*, mencapai pengiktirafan global 6 STAR MyRA, meningkatkan hasil penyelidikan dan pengkomersialan, menjalin perkongsian pintar dengan industri, komuniti dan alumni serta menandatangani 500 MoU/MoA bertaraf antarabangsa. UiTM CPP proaktif dengan menjadikan UiTM2025 sebagai panduan di mana USTU dengan kerjasama Pengurusan Kanan UiTM CPP telah **menghasilkan Pelan Tindakan Strategik UiTM CPP Tahun 2023** yang bertemakan kebolehpasaran global (Lampiran 1.2.2). Pelan ini memaparkan *Key Performance Indicator* (KPI 2023) yang harus dicapai oleh seluruh warga UiTM CPP, khususnya PJIM&A dan juga fakulti dan jabatan ke arah bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Pengurusan Kanan juga telah **mewar-warkan maklumat kepada seluruh warga UiTM CPP di dalam penyampaian Amanat Rektor UiTM CPP pada 1 Mac 2023** (Lampiran 1.2.3).

Selain itu, antara pendekatan yang diambil oleh Pengurusan Kanan UiTM CPP adalah dengan memperkasakan PJIM&A sebagai entiti utama dalam mengukuhkan usaha ke arah bidang tumpuan agar inisiatif strategik UiTM CPP dapat dilaksanakan. Ini dapat dilihat melalui penetapan petunjuk prestasi yang telah diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian PJIM&A dan dipertanggungjawabkan kepada warga UiTM CPP untuk menjayakan bidang tumpuan. PJIM&A telah **menetapkan sasaran PI 2023 dan maklumat in telah diwar-warkan kepada warga UiTM CPP** (Lampiran 1.2.4). Untuk memastikan perancangan dan objektif yang ditetapkan penuhi, jawatankuasa kecil daripada unit-unit di bawah PJIM&A ditubuhkan untuk memastikan petunjuk prestasi yang telah ditetapkan dapat dicapai mengikut perancangan.

Rektor, sebagai penggerak utama, dibantu oleh **JKEN** yang terdiri daripada Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik (HEA), Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (HEP), Timbalan Rektor PJIM&A, Penolong Rektor (Kampus Bertam), Timbalan Pendaftar, Timbalan Bendahari, Timbalan Ketua Pustakawan, dan Timbalan Pengarah Pengurusan Fasiliti dan ICT memberi sokongan dalam pelbagai aspek (Lampiran 1.2.5). Ini termasuk menyediakan dana yang mencukupi, peralatan dan kemudahan penyelidikan, menyokong projek penyelidikan dari segi kewangan, memberi latihan dan pembangunan profesional kepada kakitangan akademik dalam bidang penyelidikan dan penerbitan, serta menyediakan bimbingan dan latihan kepada penyelidik mengenai proses pengkomersialan, perlindungan hak harta intelek, dan penilaian berkala. USTU dan PJIM&A memberi kerjasama yang kukuh ke arah pencapaian dalam bidang tumpuan. Dengan langkah-langkah ini, Pengurusan Kanan UiTM CPP dapat menyokong dan memacu kejayaan UiTM CPP dalam bidang tumpuan, sekaligus menyumbang ke arah Kecemerlangan Global berdasarkan UiTM2025.

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_K01_KB02_20241_Lampiran 1.2.1.pdf](#)
2. [K0060_K01_KB02_20242_Lampiran 1.2.2.pdf](#)
3. [K0060_K01_KB02_20243_Lampiran 1.2.3.pdf](#)
4. [K0060_K01_KB02_20244_Lampiran 1.2.4.pdf](#)
5. [K0060_K01_KB02_20245_Lampiran 1.2.5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan kanan memandang serius dalam menterjemah dan menyebarkan pelan strategik yang telah direncanakan dengan pelbagai inisiatif samada secara bersemuka atau secara atas talian. Amanat Rektor yang telah diadakan pada 1 Mac 2023 **menekankan tentang kepentingan untuk mengekalkan pencapaian yang terbaik dalam bidang tumpuan** (Lampiran 1.2.3). Melalui USTU UiTM CPP, **pelbagai perencanaan dan perincian telah dirancang oleh setiap pusat pengajian, jabatan dan unit** (Lampiran 1.3.1). Bahagian PJIM&A juga diberikan mandat untuk merealisasikan pencapaian demi memastikan keberhasilan bidang tumpuan dicapai. Gabungan kedua-dua entiti ini menghasilkan sinergi pengurusan yang efektif dan cekap.

Hebahan kepada warga UiTM CPP berkenaan sasaran dan pelaksanaan pengurusan perancangan strategik dilakukan secara sistematik dan efektif. Bahagian PJIM&A turut **membuat hebahan dalaman dan luaran ke seluruh UiTM mengenai perkongsian bengkel, webinar, seminar, konferensi dan juga aktiviti program** semasa yang menjurus kepada bidang tumpuan. Selain itu, e-mel mengenai geran yang boleh dipohon oleh para pensyarah juga dihantar, dan para pensyarah juga **diberi makluman dan galakan untuk menghantar kertas kerja geran penyelidikan** (Lampiran 1.3.2). **Hebahan mengenai kejayaan mendapatkan geran nasional, industri dan antarabangsa dan majlis menandatangani MoU/MoA bersama pelbagai institusi serta industri dalam dan luar negara** turut disebarkan melalui platform digital seperti laman sesawang UiTM CPP dan laman facebook rasmi media UiTM CPP, Rektor dan Bahagian PJIM&A. (Lampiran 1.3.3). Kejayaan warga UiTM CPP juga dihebahkan melalui platform digital tersebut untuk menyuntik semangat dan menonjolkan ketampakan UiTM CPP apabila **pelbagai anugerah berjaya diraih oleh kampus dan warganya**(Lampiran 1.3.4).

Keterlibatan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ), fakulti, unit serta bahagian disatukan dalam perencanaan di peringkat mereka melalui panggilan e-mel untuk turut serta bersama. Mesyuarat pelantikan wakil-wakil pelaksana dan pengurus projek peringkat kampus, fakulti dan jabatan ditetapkan untuk menggerakkan lagi aktiviti yang menjurus kepada bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan oleh kakitangan UiTM CPP. Penganjuran bengkel perancangan strategik, program, serta **bengkel perkongsian kepakaran, webinar dan juga konferensi** yang dianjurkan UiTM CPP turut melihat **perkongsian dalaman dan pakar antarabangsa** menjadi inisiatif dalam menggerakkan pencapaian PI dalam bidang tumpuan (Lampiran 1.3.4).

Untuk menggalakkan penyertaan dalam bidang tumpuan, program pengiktirafan dan penghargaan bagi kejayaan cemerlang telah diadakan. Staf yang berjaya mencapai PI diraikan dalam **Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM CPP tahun 2023** (Lampiran 1.3.4). UiTM CPP turut memberi insentif penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan (Lampiran 1.3.3). Ini sekaligus menjadi pembakar semangat dan **membuktikan peningkatan kejayaan dan ketampakan dalam bidang tumpuan pada tahun 2023** (Lampiran 1.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_K01_KB03_20241_Lampiran 1.3.1.pdf](#)
2. [K0060_K01_KB03_20242_Lampiran 1.3.2.pdf](#)
3. [K0060_K01_KB03_20243_Lampiran 1.3.3.pdf](#)
4. [K0060_K01_KB03_20244_Lampiran 1.3.4.pdf](#)
5. [K0060_K01_KB03_20245_Lampiran 1.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Untuk memastikan sasaran perancangan strategik tercapai, hasil pemantauan digunakan untuk mengkaji semula pengurusan, dengan fokus pada bidang tumpuan. USTU menetapkan sasaran minimum penerbitan (10% Q1/Q2 JCR & 50% SCOPUS) yang perlu dicapai setiap sukuan, seperti dibentangkan dalam mesyuarat JKEN bulanan. **Fokus utama diberikan kepada PI dengan pemberat 4** (Lampiran 1.4.1.1), kerana ia memberi sumbangan besar kepada Skor i-UiTM. Jika sasaran ini tidak tercapai, USTU akan memaklumkan kepada Timbalan Rektor PJIM&A untuk tindakan lanjut, seperti perbincangan dengan AJK Perancangan Strategik PJIM&A, KPP dan penyelarasan unit/bahagian untuk merancang strategi mencapai sasaran. **Pemantauan** juga dilakukan oleh Penyelarasan Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) dan Unit Penerbitan UiTM CPP **melalui edaran slaid pembentangan** (Lampiran 1.4.1.2) kepada wakil AJK dari fakulti/unit/bahagian, supaya seluruh warga UiTM CPP mengetahui status pencapaian indeks PI bagi penyelidikan dan penerbitan.

Bahagian PJIM&A **memantau melalui mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) sebanyak enam kali setahun** (Lampiran 1.4.1.3) untuk mencapai sasaran yang ditetapkan dan membuat penambahbaikan. Unit Kualiti Kampus (UKK) UiTM CPP memastikan setiap sasaran selari dengan perancangan USTU, menunjukkan bahawa objektif UKK yang digariskan oleh InQKA tepat dan mendukung matlamat strategik GRU2025.

PJIM&A telah mengenal pasti pensyarah gred DM45 dan ke atas yang tidak mengetahui sebarang geran penyelidikan, **menggalakkan** mereka **menghantar kertas cadangan penyelidikan** (Lampiran 1.3.2). Selain itu, PJIM&A **proaktif dengan mengadakan Sesi Jelajah Taklimat Pemantauan Penyelidikan** (Lampiran 1.4.1.4), **memberi ruang perbincangan terbuka antara penyelidik dan Unit Pemantauan, Research Management Centre (RMC) Shah Alam, mengenai isu pengurusan penyelidikan**, termasuk pelaporan prestasi dan perbelanjaan projek penyelidikan melalui sistem iRMLs.

Aktiviti pemantauan oleh Unit Pengurusan Penerbitan merangkumi **semakan data penerbitan di Portal for Research and Innovation Management (PRIME)** (Lampiran 1.4.1.5), pangkalan data *Web of Science* (WoS) dan *SCOPUS* yang dilakukan setiap bulan. Pemantauan tambahan dilakukan oleh AJK penerbitan melalui *Google Form* untuk mengetahui status penghantaran manuskrip di platform konferensi atau jurnal.

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_K01_KB04_KC01_20241_Lampiran 1.4.1.1.pdf](#)
2. [K0060_K01_KB04_KC01_20242_Lampiran 1.4.1.2.pdf](#)
3. [K0060_K01_KB04_KC01_20243_Lampiran 1.4.1.3.pdf](#)
4. [K0060_K01_KB04_KC01_20244_Lampiran 1.4.1.4.pdf](#)
5. [K0060_K01_KB04_KC01_20245_Lampiran 1.4.1.5.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UPR UiTM CPP telah mengenal pasti kekurangan penyelidikan yang menonjol sebagai salah satu risiko utama (R004) dalam kategori risiko utama. Dalam kategori ini, terdapat enam sub kategori risiko yang telah disenaraikan (Lampiran 1.4.2.1). Pengurusan kanan dan PJIM&A secara aktif bekerjasama sepanjang tahun bagi memastikan risiko ini dapat dikurangkan. Langkah pencegahan termasuk kerjasama erat antara pengurusan kanan dan PJIM&A, yang menjadi asas kepada kejayaan dalam mencapai bidang tumpuan di UiTM CPP.

Salah satu risiko utama yang dikenal pasti adalah **kekurangan geran penyelidikan yang berimpak tinggi, diikuti dengan nisbah penerbitan yang rendah berbanding bilangan staf akademik** (Lampiran 1.4.1.2). Pengurusan kanan sentiasa peka terhadap risiko ini dan telah mengambil langkah-langkah strategik untuk mengatasinya. Risiko lain yang turut dikenal pasti termasuk bilangan sitasi yang rendah dan penyelidikan berimpak rendah kepada komuniti dan industri.

Sehubungan itu, **JKEN** dan PJIM&A merancang tindakan pencegahan dengan mengadakan mesyuarat, merancang aktiviti bersasar, dan memantau keberkesanan program secara sistematik. Sekretariat **USTU** turut memainkan peranan proaktif dengan **mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi memastikan pencapaian petunjuk prestasi tahun 2023** (Lampiran 1.4.2.2 Lampiran 1.4.2.3).

Untuk memastikan keterlibatan semua warga UiTM CPP, USTU telah **mengadakan mesyuarat khas bersama KPP dan PJIM&A** (Lampiran 1.4.2.2). Mesyuarat ini membincangkan kemajuan petunjuk prestasi, termasuk kajian *eProfiling* untuk mengesan artikel yang masih dalam proses kelulusan. Pelan tindakan dan penyelesaian juga dipersetujui untuk meningkatkan sasaran PI, termasuk **cadangan penganjuran konferens dalaman dengan jemputan dari UiTM seluruh Malaysia** (Lampiran 1.4.2.4). **E-mel juga dihantar kepada warga kampus untuk mendapatkan status penerbitan terkini** (Lampiran 1.4.2.5).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_K01_KB04_KC02_20241_Lampiran 1.4.2.1.pdf](#)
2. [K0060_K01_KB04_KC02_20242_Lampiran 1.4.2.2.pdf](#)
3. [K0060_K01_KB04_KC02_20243_Lampiran 1.4.2.3.pdf](#)
4. [K0060_K01_KB04_KC02_20244_Lampiran 1.4.2.4.pdf](#)
5. [K0060_K01_KB04_KC02_20245_Lampiran 1.4.2.5.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pemantauan komprehensif serta pengurusan risiko bersistematik oleh pengurusan kanan bersama-sama PJIM&A telah dilaksanakan bagi memastikan segala petunjuk prestasi dapat direalisasikan. Oleh itu, bagi menambahbaik serta memastikan 100% capaian hasil penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan, pihak PJIM&A telah menjalankan pelbagai program berupa webinar, kursus, bengkel malahan MoU/MoA bagi tahun 2023. Untuk meningkatkan penyertaan para penyelidik menjalankan jaringan industri nasional dan antarabangsa, pelbagai jenis bengkel telah diadakan (Lampiran 1.4.3.1). Selain itu, bagi meningkatkan tahap keyakinan para penyelidik dalam menghasilkan penulisan penyelidikan yang cemerlang, bengkel penulisan telah dilaksanakan untuk memberi panduan khusus dan komprehensif (Lampiran 1.4.3.2).

Seterusnya, bagi memperkemas kejayaan dalam meraih geran industri, pengurusan kanan tidak pernah berhenti membantu para penyelidik dengan menganjurkan siri webinar yang meluas tentang rahsia mendapatkan geran industri. Webinar perkongsian petua dan strategi serta cara-cara berkolaborasi dengan industri telah diadakan dengan penampilan panel-panel penerima anugerah penyelidikan. Langkah pengukuhan tarikan geran industri ini bukan sahaja dapat meningkatkan jumlah keseluruhan geran, malah turut berjaya menggiatkan lagi aktiviti pengkomersialan di kampus UiTM CPP.

Keprihatinan pengurusan kanan UiTM CPP juga tidak disangkal lagi apabila sesi geran padanan antarabangsa serta jajaran webinar terus diadakan bagi melonjakkan capaian geran antarabangsa. Rangkaian seminar atas talian dalam meraih geran antarabangsa telah berjaya dijalankan dengan kehadiran yang sangat memberangsangkan. Sikap pemudah cara pengurusan kanan dalam memperkemas jaringan antarabangsa berjaya direalisasikan melalui sesi pemeteraian MoU bersama pihak luar dalam menggalakkan lagi geran nasional dan antarabangsa di kalangan warga penyelidik UiTM CPP (Lampiran 1.4.3.3).

Tidak berhenti di situ, langkah proaktif pengurusan kanan UiTM CPP dalam meningkatkan kualiti serta menambahbaik bidang tumpuan diperkemas dengan penganjuran acara-acara besar sepanjang tahun 2023 bagi **mencerminkan keupayaan pengurusan dalam menguruskan program bertaraf nasional, seterusnya meningkatkan ketampakan UiTM CPP dalam bidang kepakaran dan fasiliti yang diperlukan oleh agensi-agensi luar, meluaskan jaringan industri penyelidikan, menambah ruang kerjasama dengan rakan-rakan strategik, dan menggalakkan pemindahan teknologi** (Lampiran 1.4.3.4). Selain itu, Penang International Invention, Innovation, and Design (PIID) 2023 yang diadakan pada 16 hingga 18 Mei 2023 turut **menonjolkan kecaknaan pengurusan dalam mempromosikan inovasi dan penyelidikan**. Program-program lain seperti KARisMA dan *UiTM Alumni Fun Run 2023* juga **memperlihatkan dedikasi pengurusan dalam memupuk semangat kebersamaan melalui gaya hidup sihat dalam kalangan warga kampus** (Lampiran 1.4.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_K01_KB04_KC03_20241_Lampiran 1.4.3.1.pdf](#)
2. [K0060_K01_KB04_KC03_20242_Lampiran 1.4.3.2.pdf](#)
3. [K0060_K01_KB04_KC03_20243_Lampiran 1.4.3.3.pdf](#)
4. [K0060_K01_KB04_KC03_20244_Lampiran 1.4.3.4.pdf](#)
5. [K0060_K01_KB04_KC03_20245_Lampiran 1.4.3.5.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Simbiosis antara pengurusan kanan UiTM CPP bersama USTU, PJIM&A, serta semua bahagian, unit, jabatan, fakulti, dan pusat pengajian menunjukkan komitmen yang tinggi dalam merancang, memantau, menilai, serta menambah baik secara strategik dan terperinci bagi mencapai petunjuk prestasi dalam bidang tumpuan yang telah dipilih. Pengurusan kanan bergiat dalam merancang strategi dan mengintegrasikan setiap cadangan dalam bidang tumpuan dengan mengambilkira pendapat dan permasalahan daripada warga kampus. Pendekatan gabungan top-down dan bottom-up memastikan setiap lapisan organisasi terlibat secara aktif dalam proses ini. Nilai sinergi dan keharmonian pengurusan kanan dalam mentadbir dan menyelia **membolehkan bidang tumpuan dicapai dengan jayanya, bukan sahaja melebihi sasaran, bahkan menghasilkan pencapaian yang berimpak tinggi** (Lampiran 1.3.5).

Pengurusan kanan UiTM CPP sangat mengambil berat dan prihatin terhadap semua warga universiti yang bersama-sama membantu mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Selain daripada **e-mel dan hebahan media sosial untuk ucapan tahniah kepada semua warga yang mencapai petunjuk prestasi** (Lampiran 1.3.5), pengurusan kanan telah meluluskan bajet untuk **menjayakan sidang berprestij Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik yang dianjurkan oleh Bahagian HEA dan PJIM&A** (Lampiran 1.5.1) bagi mengekalkan momentum dan semangat kepada para penyelidik. Para penerima anugerah bukan sahaja **mendapat sijil penghargaan, tetapi juga ganjaran berupa wang tunai** (Lampiran 1.5.1). Selain itu, pengurusan kanan terus membudayakan aktiviti penyelidikan, penerbitan serta pengkomersialan dengan **menjayakan Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM Cawangan Pulau Pinang 2023 pada 1 Disember 2023** (Lampiran 1.5.2). Pengurusan kanan telah meluluskan bajet menjayakan hari inovasi ini yang hampir mencecah RM44,114.00, namun pihak penganjur **berjaya mendapatkan peruntukan tambahan sebanyak RM9,427.00 dan seterusnya membuat penjimatan sebanyak RM20,053.70** (Lampiran 1.5.2).

Kegemilangan ini sangat penting dalam tahap keserjanaan warga UiTM CPP yang tinggi, seterusnya meningkatkan **kepercayaan terhadap warga penyelidik UiTM CPP sebagai penyelidik utama bersama universiti terkemuka dunia dalam menjalankan penyelidikan** (Lampiran 1.5.3) serta **menjalankan jaringan industri bersama syarikat-syarikat tempatan dan luar negara** (Lampiran 1.5.4). Lebih-lebih lagi, dengan kejayaan penerbitan berimpak tinggi yang semakin meningkat, nama UiTM CPP terus mekar di persada antarabangsa apabila universiti dengan kedudukan yang lebih tinggi di dunia menurut *World University Rankings 2023* (WUR2023) turut **berkolaborasi dan menjalinkan hubungan MoA/MoU bersama-sama UiTM CPP** (Lampiran 1.5.3 dan Lampiran 1.5.4).

UiTM CPP memperkukuhkan kedudukannya dalam bidang inovasi dan pengkomersialan melalui **penganjuran Penang International Invention, Innovation, and Design Competition (PIID) 2023 yang berlangsung dari 16 hingga 18 Mei 2023** (Lampiran 1.5.5). Bertemakan "*Energizing Sustainable Future Through Social Entrepreneurship & Innovation Technology*", PIID 2023 telah menarik penyertaan sebanyak 303 pasukan yang melibatkan 1346 peserta dari pelbagai institusi tempatan dan antarabangsa. Acara ini bukan sahaja menyediakan platform untuk para akademik, industri, dan pelajar mengetengahkan inovasi mereka, tetapi juga bertujuan menjana pendapatan untuk UiTM CPP serta meningkatkan keterlihatan universiti di peringkat global. Dengan sokongan daripada pelbagai pihak termasuk penaja dan komuniti akademik, **PIID 2023 membuktikan komitmen UiTM CPP dalam menyokong agenda inovasi nasional serta memacu perkembangan ekonomi negara melalui pengkomersialan produk berimpak tinggi** (Lampiran 1.5.5).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_K01_KB05_20241_Lampiran 1.5.1.pdf](#)
2. [K0060_K01_KB05_20242_Lampiran 1.5.2.pdf](#)

3. [K0060_K01_KB05_20243_Lampiran 1.5.3.pdf](#)
4. [K0060_K01_KB05_20244_Lampiran 1.5.4.pdf](#)
5. [K0060_K01_KB05_20245_Lampiran 1.5.5.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pada tahun 2023, UiTM CPP memfokuskan kepada kecemerlangan dalam **bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan berkualiti** yang berkaitan dengan berpandukan **Perancangan Strategik UiTM 2025** ke arah **GRU2025** bagi menyokong pembentukan **Malaysia MADANI**.

Perancangan strategik UiTM CPP dilaksanakan berpandukan kepada **Objektif Kualiti Staf 2 (OKS2)** dan **Objektif Kualiti Kampus 4, 6, 7 dan 8 (OKK4, OKK6, OKK7, & OKK8)**. Berteraskan **Amanat Rektor 2023, 79 Performance Indicator (PI)** disasarkan oleh UiTM CPP dengan **23 PI** menjurus kepada **bidang penyelidikan, penerbitan & pengkomersialan**. Bahagian **Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A)** diberikan tanggungjawab sebagai **nadi penggerak** UiTM CPP dalam menggalakkan staf akademik untuk menghasilkan **penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti, berimpak tinggi** serta mempunyai **nilai komersial**. PJIM&A berkerjasama dengan pengurus dan ahli projek yang terdiri daripada fakulti dan jabatan di UiTM CPP dalam **merealisasikan aspirasi UiTM CPP**. PJIM&A berperanan **mengumpul dan menganalisis maklumat pencapaian PI tahunan dan membentangkannya** di dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN)**.

PJIM&A mengambil inisiatif **memaklumkan pembukaan permohonan dana penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan takwim geran penyelidikan KPT** kepada warga UiTM CPP melalui email secara berkala. Selain itu, **pelbagai siri webinar dan seminar dianjurkan** oleh UiTM CPP di samping menggalakkan penyertaan warga untuk program seumpama dengan agensi luar sebagai usaha untuk menggiatkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan dalam kalangan warga UiTM CPP.

Pelan pemantauan dalam bidang penyelidikan, penerbitan & pengkomersialan dilaksanakan **secara berkala** bagi memastikan PI yang disasarkan pada tahun 2023 dapat dicapai oleh UiTM CPP. **Pemantauan dan semakan pencapaian PI** UiTM CPP dilaksanakan pada setiap bulan dengan **perolehan geran** peringkat antarabangsa, nasional dan industri dan **pencapaian PI penerbitan** dibentangkan oleh pengurus projek yang berkaitan. Bahagian PJIM&A menggunakan beberapa sistem bagi merekod data penyelidikan iaitu Integrated Research Management Institute System (IRMIs) dan penerbitan, iaitu Portal for Research and Innovation Management System (PRIME) dalam memastikan data dapat dikumpulkan secara sistematik dan efisien.

UiTM CPP berdepan dengan risiko strategik yang boleh menghalang pencapaian PI yang ditetapkan. **Risiko utama dikenalpasti** terbahagi kepada dua iaitu **kurangnya penghantaran permohonan geran dan penerimaan dana geran** serta **sasaran penulisan jurnal berindeks tinggi** dalam kalangan staf akademik UiTM CPP. **Tindakan penambahbaikan** yang dilaksanakan oleh PJIM&A adalah dengan mengadakan **bengkel, webinar, penyebaran emel dan penilaian geran FRGS di peringkat kampus** bagi membantu warga UiTM CPP untuk menghantar geran proposal FRGS yang berkualiti dan menepati kriteria. Manakala, **tindakan penambahbaikan** untuk membudayakan penerbitan UiTM CPP adalah melalui **bengkel penulisan secara progresif serta hebahan penggunaan kecerdasan buatan (AI) untuk penulisan akademik** kepada warga UiTM CPP. PJIM&A juga **membantu mencari platform dan penghebahan konferensi yang bertepatan** kepada warga UiTM CPP. Dengan **pemantauan, pengurusan risiko dan tindakan penambahbaikan yang efisien** dari seluruh warga PTJ, UiTM CPP telah mencapai kejayaan gemilang dalam bidang penyelidikan dan penerbitan. Pada tahun 2023, ada di antara stafnya yang telah berjaya mendapat **pengiktirafan antarabangsa melalui anugerah World's Top 2% Scientist (Single Year Achievement)** dan **anugerah Tokoh Pengkomersialan UiTM**.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Sempena Amanat Mantan Naib Canselor UiTM, Prof. Datuk Ts. Dr. Roziah Mohd Janor, menekankan tumpuan kepada **Kebolehpasaran Global** yang sejajar dengan **Perancangan Strategik UiTM 2025** ke arah **GRU2025** bagi menyokong pembentukan **Malaysia MADANI** (B1_Lampiran_2.2.1). Prof. Datuk Ts. Dr. Roziah Mohd Janor berkongsi 3 penekanan utama demi merealisasikan kompetensi global UiTM. **Penyelidikan berkualiti** merupakan salah satu usaha yang jitu ke arah kecemerlangan di dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan pada tahun 2023 (B1_Lampiran_2.2.2). Justeru, staf akademik UiTM seharusnya memastikan bidang kepakaran dapat disebar atau dikongsi secara global melalui **hasil penyelidikan dan penerbitan** (B1_Lampiran_2.2.3).

UiTM CPP telah memformulasikan matlamat dan halatuju strategik melalui pelbagai inisiatif selari dengan **PSTU** pada **Teras Strategik Kedua (Kecemerlangan Global)** (B2_Lampiran_2.2.4). Pembentukan inisiatif strategik yang mampan telah mengekalkan UiTM CPP mencapai penarafan 6 bintang Skor i-UiTM. UiTM CPP juga telah memformulasikan matlamat dan halatuju strategik yang memberikan penekanan tinggi terhadap **penyelidikan, pembangunan, perundingan dan pengkomersialan**, serta memberikan sokongan yang sepatutnya untuk proses penyelidikan, pembangunan, perundingan dan pengkomersialan (B2_Lampiran_2.2.5).

Kejayaan UiTM CPP direalisasikan melalui **USTU** yang berperanan menggariskan pencapaian PI UiTM CPP secara sistematik. Perancangan USTU bermula dengan **Sesi Perbincangan PSTU bersama Ketua Pusat Pengajian dan AJK PS (Pengurus Projek) Bahagian dan Fakulti/Jabatan/Akademi** dan diikuti dengan **Webinar Perancangan Strategik “Apa yang Anda Perlu Tahu”**. Seterusnya, **Mesyuarat Perancangan Strategik** diadakan sebanyak **2 kali setahun** (B3_Lampiran_2.2.6). Di samping itu, **pemantauan dan semakan pencapaian PI** UiTM CPP turut dilaksanakan pada setiap bulan (B3_Lampiran_2.2.7). PTJ diminta untuk mengemaskinikan data di **UiTM Management System (UiSMS)**. Pada akhir tahun, **Mesyuarat Perjumpaan Bahagian Transformasi Universiti (BTU) Bersama PSTU** dijalankan diikuti dengan **semakan sasaran PI2024 dan PI2025** (B3_Lampiran_2.2.8).

Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) yang merupakan cabang utama bahagian **PJIM&A** memfokuskan portfolio dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan (B4_Lampiran_2.2.9). RMU bertanggungjawab mengumpul dan menganalisis maklumat **pencapaian PI tahunan** dan membentangkannya di Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) (B4_Lampiran_2.2.10). JPN dan RMU memantau pencapaian tahun lepas UiTM CPP, seterusnya **membincangkan pelan tindakan** yang harus diambil pada tahun hadapan bagi memastikan PI kampus dicapai dengan jayanya (B4_Lampiran_2.2.11).

Pada tahun 2023, **79 PI** telah disasarkan oleh UiTM CPP secara keseluruhan. **23 PI daripada 79 PI** menjurus kepada **bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan** (B4_Lampiran_2.2.12). **Objektif utama** 23 PI ini adalah bagi **menguatkan jaringan kerjasama tempatan dan antarabangsa** menerusi penyelidikan dan penerbitan.

Demi memastikan PI UiTM CPP tercapai, pelbagai inisiatif dan inovasi yang melibatkan perkongsian ilmu telah dilaksanakan. Contohnya, **Bengkel Asas Penulisan Kreatif** yang bertujuan untuk mencungkil bakat baharu penulis novel/cerpen dalam kalangan warga UiTM CPP (B5_Lampiran_2.2.13) dan **Publication Webinar – Artificial Intelligence Tools for Academic Writing** yang bertujuan untuk berkongsi ilmu tentang penggunaan AI Tools dalam penulisan akademik (B5_Lampiran_2.2.14). Bahagian PJIM&A UiTM CPP turut menguar-uarkan penyertaan staf akademik untuk menyertai siri **webinar bertemakan penyelidikan dan penerbitan** yang dianjurkan agensi luar (B5_Lampiran_2.2.15). Rektor UiTM CPP turut mengambil langkah proaktif dengan **mewajibkan semua staf akademik UiTM CPP Gred DM45 dan ke atas** untuk memohon geran FRGS Fasa 1/2024 yang dibuka permohonan pada 6 November 2023 demi menuju ke arah Universiti Terkemuka Dunia (B5_Lampiran_2.2.16).

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_P01_PB02_20241_B1_Lampiran_2.2.1-2.2.3.pdf](#)
2. [K0060_P01_PB02_20242_B2_Lampiran_2.2.4-2.2.5.pdf](#)
3. [K0060_P01_PB02_20243_B3_Lampiran_2.2.6-2.2.8.pdf](#)
4. [K0060_P01_PB02_20244_B4_Lampiran_2.2.9-2.2.12.pdf](#)
5. [K0060_P01_PB02_20245_B5_Lampiran_2.2.13-2.2.16.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Formulasi objektif dan inisiatif strategik UiTM CPP dalam pendekatan bidang tumpuan (BT) telah dilaksanakan sejajar dengan aspirasi, hala tuju dan garis panduan di peringkat kebangsaan, kementerian serta universiti. Antara garis panduan di peringkat kebangsaan, kementerian dan kerajaan negeri yang digunakan adalah **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)** (B1_Lampiran_2.3.1), **National Policy on Industry 4.0** (B1_Lampiran_2.3.2) dan **Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs - Sustainable Development Goals)** (B1_Lampiran_2.3.3) dan **Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030** (B1_Lampiran_2.3.4). Manakala di peringkat universiti dan cawangan khususnya, UiTM CPP telah melaksanakan Pelan Strategik UiTM CPP yang sejajar dengan **Pelan Strategik UiTM2025** (B1_Lampiran_2.3.5). Kesemua garis panduan di atas adalah merupakan nukleus kepada pelaksanaan **Pelan Strategik UiTM CPP 2023 melalui Projek 3** iaitu berkaitan jaringan kerjasama tempatan dan antarabangsa bagi penyelidikan, penerbitan dan inovasi (B2_Lampiran_2.3.6). Bagi merealisasikan BT yang sejajar dengan Pelan Strategik UiTM2025, **Objektif Kualiti Staf 2 (OKS2) dan Objektif Kualiti Kampus 4, 6, 7 dan 8 (OKK4, OKK6, OKK7, & OKK8)** (B2_Lampiran_2.3.7) serta menurut **agihan geran yang diturunkan kepada UiTM CPP** (B2_Lampiran_2.3.8), UiTM CPP telah melaksanakan 3 usaha seperti berikut:

a) Program mempertingkatkan penglibatan dalam penerbitan akademik berimpak dalam bidang-bidang yang ditawarkan melalui ekosistem penyelidikan yang padu. Inisiatif ini telah dilaksanakan di UiTM CPP. Antara aktiviti yang dijalankan adalah **Bengkel Asas Penulisan Kreatif** yang bertujuan mencungkil bakat baharu penulis novel/cerpen dalam kalangan warga UiTM CPP dan **Publication Webinar – Artificial Intelligence Tools for Academic Writing** yang bertujuan untuk berkongsi ilmu tentang penggunaan AI Tools dalam penulisan akademik serta **Webinar - Writing in High-Impact Publication & Increase the Rate of Acceptance for a Manuscript** dan **Sesi Taklimat MyRA & Tatacara Pengisian Templat MyRA** (B3_Lampiran_2.3.9).

b) Bengkel kajian semula cadangan penyelidikan dan mengemukakan geran antarabangsa / nasional / swasta berkualiti tinggi dengan kerjasama universiti dan rakan industri tempatan dan antarabangsa. Program ini telah dilaksanakan di UiTM CPP melalui aktiviti **How to Carve a Winning FRGS Proposal** (B3_Lampiran_2.3.10).

c) Jalanan rangkaian dan kerjasama bersama penyelidik dan pencipta inovasi berlatarbelakangkan industri tempatan dan antarabangsa telah dilaksanakan melalui **Penang International Invention, Innovation and Design Competition 2023 (PIIID 2023)** dan **Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Zon Utara) 2023** (B3_Lampiran_2.3.11).

UiTM CPP telah menyebar luas pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik (pendekatan) BT kepada warga UiTM CPP secara sistematik melalui beberapa siri **Mesyuarat Fakulti** (B4_Lampiran_2.3.12), **Mesyuarat Pengurusan** (B4_Lampiran_2.3.13), **Amanat Rektor** (B2_Lampiran_2.3.6) dan **pemakluman pencapaian Pensejajaran Perancangan Strategik di media rasmi UiTM CPP** dari semasa ke semasa (B4_Lampiran_2.3.14). Sebagai langkah proaktif, pemakluman pelaksanaan dan pencapaian objektif dan inisiatif strategik ini turut disebar luas di peringkat keseluruhan sistem UiTM CPP dengan memuat naik **hebahan aktiviti** bidang tumpuan melalui e-mel kepada seluruh warga UiTM CPP dan di media sosial seperti laman Facebook rasmi PJIM&A UiTM CPP (B4_Lampiran_2.3.14) selain **dibukukan secara digital** (B5_Lampiran_2.3.15).

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik BT UiTM CPP telah dilaksanakan sejajar dengan aspirasi universiti dan negara, yang mana ianya telah disebarluaskan kepada keseluruhan sistem UiTM CPP secara sistematik dan efisien.

GENERAL POINTS:

1. [K0060_P01_PB03_20241_B1_Lampiran_2.3.1-2.3.5.docx.pdf](#)
2. [K0060_P01_PB03_20242_B2_Lampiran_2.3.6-2.3.8.docx.pdf](#)
3. [K0060_P01_PB03_20243_B3_Lampiran_2.3.9-2.3.11.docx.pdf](#)
4. [K0060_P01_PB03_20244_B4_Lampiran_2.3.12-2.3.14.docx.pdf](#)
5. [K0060_P01_PB03_20245_B5_Lampiran_2.3.15.docx.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Demi memastikan PI yang disasarkan pada tahun 2023 dapat dicapai oleh UiTM CPP, pelan pemantauan dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dilaksanakan secara berkala. UiTM CPP menjalankan 4 cara pemantauan, melalui:

A. Pembentangan Pencapaian PI dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif

Pemantauan berkala **pencapaian PI** dibuat sepanjang tahun dan dibentangkan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif** (B1_Lampiran_2.4.1.1). Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Rektor UiTM CPP dan dihadiri oleh kesemua Timbalan Rektor.

B. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri

JPN dipengerusikani oleh **Rektor UiTM CPP** dan ahlinya yang melibatkan **Timbalan Rektor PJIM&A, Timbalan-Timbalan Rektor, Koordinator RMU, Penyelaras Penerbitan, serta Penyelaras PJI** (B2_Lampiran_2.4.1.2). **Mesyuarat pemantauan JPN** diadakan **6 kali setahun** (B2_Lampiran_2.4.1.3). Sesi pembentangan melibatkan pencapaian PI penerbitan terkini (B2_Lampiran_2.4.1.4) dan pencapaian PI terkini yang berkaitan dengan perolehan geran dan paten (B2_Lampiran_2.4.1.5). Seterusnya, tindakan penambahbaikan diambil bagi memastikan semua PI tercapai pada tahun kemudian, contohnya mengadakan mesyuarat **Semakan Sasaran PI2024 dan PI2025** (B2_Lampiran_2.4.1.6).

C. Integrated Research Management Institute System (IRMIs) dan Portal for Research and Innovation Management System (PRIME)

Bahagian PJIM&A menggunakan beberapa sistem bagi merekod data penyelidikan dan penerbitan UiTM CPP dalam memastikan data dapat dikumpulkan secara sistematik dan efisien. Bagi tujuan pelaporan, **pencapaian Indeks Pelan Strategik** dipaparkan di laman sesawang rasmi **USTU** (B3_Lampiran_2.4.1.7). **Sistem iRMIS** digunakan untuk mengemaskini data penyelidikan termasuk maklumat perolehan geran (B4_Lampiran_2.4.1.8). Manakala, **sistem PRIME** digunakan untuk mengemaskini semua maklumat berkaitan penerbitan jurnal warga UiTM CPP (B4_Lampiran_2.4.1.9). Pemantauan ini bertujuan untuk memastikan setiap unit dan jabatan dapat mengambil inisiatif proaktif dalam mencapai sasaran PI pelan strategik.

D. Pemantauan Penyelidikan oleh Bahagian Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A)

Bagi menyokong aspirasi UiTM CPP dalam meningkatkan bilangan dan kualiti penyelidikan, penerbitan & pengkomersialan, PJIM&A bertanggungjawab untuk sentiasa melakukan **pemantauan terhadap tahap penerbitan dan penyelidikan geran** (B5_Lampiran_2.4.1.10). Pemantauan ini dilakukan bagi memastikan staf akademik UiTM CPP dapat menghasilkan penerbitan berimpak tinggi. Di samping meningkatkan permohonan geran penyelidikan atau penganjuran program dalam kalangan staf akademik UiTM CPP yang boleh menjanakan pendapatan kepada universiti. Inisiatif ini mampu memastikan staf akademik UiTM CPP yang memperolehi geran penyelidikan dapat menamatkan penyelidikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_P01_PB04_PC01_20241_B1_Lampiran_2.4.1.1.pdf](#)
2. [K0060_P01_PB04_PC01_20242_B2_Lampiran_2.4.1.2-2.4.1.6.pdf](#)
3. [K0060_P01_PB04_PC01_20243_B3_Lampiran_2.4.1.7.pdf](#)
4. [K0060_P01_PB04_PC01_20244_B4_Lampiran_2.4.1.8-2.4.1.9.pdf](#)
5. [K0060_P01_PB04_PC01_20245_B5_Lampiran_2.4.1.10.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko strategik yang dihadapi oleh UiTM CPP mengakibatkan PI yang ditetapkan susah dicapai. Pengurusan kanan dan semua peringkat warga UiTM CPP mengambil perhatian utama terhadap pemakluman dan perbincangan risiko dalam pembentangan mesyuarat, terutamanya dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri** (B1_Lampiran_2.4.2.1) dan **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif** (B1_Lampiran_2.4.2.2).

Beberapa risiko utama telah dikenalpasti. Risiko yang dikenalpasti boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu **permohonan geran dalam kalangan staf akademik UiTM CPP dan penerimaan dana geran serta sasaran prestasi penulisan dan penerbitan jurnal berindeks dalam kalangan staf akademik UiTM CPP.**

Dari **aspek geran dan projek penyelidikan**, dalam mesyuarat JPN Bil.6/2023, statistik **projek penyelidikan** yang telah berjaya diperolehi oleh penyelidik UiTM CPP mengikut Pusat Pengajian/Fakulti/Jabatan dalam tahun 2023 adalah **rendah** berbanding dengan tahun 2020 - 2022 (B2_Lampiran_2.4.2.3). Mesyuarat mempercayai bahawa ini disebabkan oleh **kekurangan permohonan geran daripada staf akademik UiTM CPP** yang berkelayakan dan tindakan lanjut perlu diambil. Dalam mesyuarat akhir tahun JPN Bil.6/2023, statistik permohonan FRGS Fasa1/2024 kurang memuaskan, dimaklumkan bahawa hanya **13.69% daripada 409** staf akademik UiTM CPP **menghantar permohonan FRGS** (B2_Lampiran_2.4.2.4). Dalam mesyuarat JPN Bil.1/2023, isu **kelewatan penerimaan dana geran** ke dalam akaun Tabung Am Penyelidikan telah dibangkitkan (B3_Lampiran_2.4.2.5). Perkara tersebut melambatkan kemajuan penyelidikan.

Manakala, **penulisan dan penerbitan jurnal berindeks** oleh warga UiTM CPP **dipantau rapi oleh bahagian PJIM&A** (B4_Lampiran_2.4.2.6). Mesyuarat MKSP Bil. 2/2023 minitkan bahawa penulisan dan penerbitan akademik berwasit telah mencapai 300, dimana **lebih daripada 10% penerbitan Q1/Q2 JCR** dan **50% penerbitan SCOPUS** pada tahun 2023 (B4_Lampiran_2.4.2.7). Walau bagaimanapun, pencapaian **PI49** (*Number of indexed publication: Conference proceedings in SCOPUS/WOS*) dan **PI50** (*Number of indexed publication: Journal in SCOPUS/WoS/ERA*) yang diminitkan dalam Mesyuarat JPN Bil 6/2023 menunjukkan **pencapaian yang masih rendah** dalam kalangan pensyarah UiTM CPP (B5_Lampiran_2.4.2.8). Bagi mengenalpasti punca **pencapaian PI49, PI50, yang kurang memberangsangkan** dalam kalangan pensyarah UiTM CPP, lawatan susulan **Jawatankuasa Eksekutif Negeri** diadakan dan **RMU** dipertanggungjawabkan untuk membentangkan pencapaian PI (B5_Lampiran_2.4.2.9). Oleh demikian, tindakan penambahbaikan perlu dilaksanakan demi meningkatkan jumlah penerbitan berindeks dan berimpak tinggi dalam kalangan warga UiTM CPP pada tahun kemudian.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_P01_PB04_PC02_20241_B1_Lampiran_2.4.2.1-2.4.2.2.pdf](#)
2. [K0060_P01_PB04_PC02_20242_B2_Lampiran_2.4.2.3-2.4.2.4.pdf](#)
3. [K0060_P01_PB04_PC02_20243_B3_Lampiran_2.4.2.5.pdf](#)
4. [K0060_P01_PB04_PC02_20244_B4_Lampiran_2.4.2.6-2.4.2.7.pdf](#)
5. [K0060_P01_PB04_PC02_20245_B5_Lampiran_2.4.2.8-2.4.2.9.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bengkel diadakan sebagai **tindakan penambahbaikan** dalam membudayakan kesedaran warga UiTM CPP tentang etika (B1_Lampiran_2.4.3.1) dan penggunaan AI Tools yang membantu penghasilan penulisan yang berkualiti (B1_Lampiran_2.4.3.2). Warga UiTM CPP turut diuar-uarkan untuk menyertai **Bengkel Article Writing & Publication Boot Camp 2023** yang bertujuan membantu staf akademik UiTM CPP dalam urusan penulisan artikel (B1_Lampiran_2.4.3.3).

Antara **tindakan penambahbaikan** yang lain adalah melalui **hebahan informasi geran iaitu e-mel** kepada warga UiTM CPP. E-mel hebahan dihantar awal bertujuan memberi masa kepada warga UiTM CPP menyediakan proposal geran (B2_Lampiran_2.4.3.4). **E-mel peringatan** dihantar dari semasa ke semasa bertujuan mengingatkan dan menggalakkan warga UiTM memohon geran (B2_Lampiran_2.4.3.5). **Penilaian geran FRGS** di peringkat kampus turut meningkatkan kesedaran dan perkongsian kepada seluruh warga UiTM CPP untuk menghantar proposal geran FRGS yang menepati kriteria (B2_Lampiran_2.4.3.6). Selepas hebahan informasi geran, **tindakan penambahbaikan** yang seterusnya adalah mengadakan **taklimat geran** yang melibatkan **sesi pemindahan ilmu** oleh para pensyarah yang pernah memenangi geran FRGS kepada warga UiTM CPP (B3_Lampiran_2.4.3.7). Perkongsian ini memberi motivasi kepada warga UiTM CPP untuk menghasilkan proposal geran yang berkualiti dan menepati kriteria yang ditetapkan. Disebabkan oleh jumlah permohonan geran yang rendah pada fasa yang sebelumnya, UiTM CPP **mewajibkan pensyarah bergred DM45 ke atas** yang tidak mengetuai sebarang projek penyelidikan untuk menghantar permohonan geran FRGS demi mencapai sasaran PI (B3_Lampiran_2.4.3.8). Pejabat Bendahari UiTM CPP juga mengambil tindakan untuk memastikan dana peruntukan geran sentiasa dimasukkan ke dalam akaun **Tabung Am Penyelidikan** supaya penerima geran dapat menjalankan penyelidikan mengikut progres yang telah ditetapkan (B3_Lampiran_2.4.3.9).

Inisiatif UiTM CPP yang menekankan **perkongsian hasil penyelidikan** (B4_Lampiran_2.4.3.10) dan **kolaborasi bersama kolaborator nasional serta antarabangsa** (B4_Lampiran_2.4.3.11) mengukuhkan hubungan di samping meningkatkan impak kolaborasi penyelidikan. Fakulti-fakulti UiTM CPP juga mengambil inisiatif terlibat secara aktif di dalam pelbagai **konferensi bertaraf antarabangsa** sebagai suatu motivasi kepada warga UiTM CPP untuk menerbitkan hasil penulisan mereka pada tahun semasa (B4_Lampiran_2.4.3.12 & B4_Lampiran_2.4.3.13). Bagi mengatasi masalah kekurangan dana penerbitan artikel dan pembayaran yuran prosiding, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UiTM, melancarkan **Pembiayaan Yuran Penerbitan Artikel (PYPA)** (B5_Lampiran_2.4.3.14) dan **Pembiayaan Yuran Prosiding Berindeks (PYPB)** (B5_Lampiran_2.4.3.15) yang dikawal selia oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_P01_PB04_PC03_20241_B1_Lampiran_2.4.3.1-2.4.3.3.pdf](#)
2. [K0060_P01_PB04_PC03_20242_B2_Lampiran_2.4.3.4-2.4.3.6.pdf](#)
3. [K0060_P01_PB04_PC03_20243_B3_Lampiran_2.4.3.7-2.4.3.9.pdf](#)
4. [K0060_P01_PB04_PC03_20244_B4_Lampiran_2.4.3.10-2.4.3.13.pdf](#)
5. [K0060_P01_PB04_PC03_20245_B5_Lampiran_2.4.3.14-2.4.3.15.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTM CPP melalui pelaksanaan dan penambahbaikan objektif dan inisiatif strategik telah berjaya mewujudkan dan membudayakan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan di kalangan kakitangan akademik dan bukan akademik. Pencapaian cemerlang sasaran BT juga menjadi teladan bagi kecemerlangan UiTM apabila UiTM CPP telah dianugerahkan beberapa **anugerah pencapaian cemerlang bidang tumpuan bagi tahun 2023, baik di peringkat UiTM CPP (B1_Lampiran_2.5.4) mahupun di peringkat UiTM secara keseluruhan (B1_Lampiran_2.5.1, 2.5.2 & 2.5.3).**

UiTM CPP juga berjaya membudayakan BT di kalangan kakitangannya melalui pelbagai inisiatif strategik antaranya ialah penganjuran **Hari Kualiti 2023** dan **lawatan kerja daripada Nexus Penyelidikan UiTM (ReNeU)** yang telah menginspirasi keseluruhan kakitangan UiTM CPP. Dengan perancangan rapi UiTM CPP dan ReNeU dan penghargaan sumbangan bakti warga UiTM CPP di dalam BT penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan, hal ini telah membawa kecemerlangan UiTM CPP dan juga UiTM di persada dunia seiring dengan sasaran UiTM untuk menjadi Globally Renowned University pada tahun 2025 (B2_Lampiran_2.5.5).

UiTM CPP juga telah berjaya mendapat pengiktirafan Journal MyCite melalui penerbitan **ESTEEM Academic Journal dan ESTEEM Journal of Social Science and Humanities di Majlis Sanjung Sarjana UiTM 2023** (B3_Lampiran 2.5.6) yang meraikan kejayaan warga pada tahun 2022. Melalui penerbitan jurnal ini, warga pendidik UiTM CPP bukan sahaja menyumbang idea sebagai penulis tetapi berpeluang menjadi **penilai jurnal** mengikut bidang kepakaran yang berkaitan (B3_Lampiran 2.5.7).

Natijahnya, pelaksanaan inisiatif strategik BT telah berjaya mendapat pengiktirafan antarabangsa melalui anugerah **World's Top 2% Scientist (Single Year Achievement)** oleh **Prof. Madya Ir. Dr. Chang Siu Hua** dan juga pengiktirafan di peringkat UiTM melalui **anugerah Tokoh Pengkomersialan UiTM oleh Prof. Madya Ir. Dr. Zakaria Hussain** (B4_Lampiran_2.5.8). Kecemerlangan mereka telah menjadikan mereka sebagai ikon yang sangat disegani oleh penyelidik-penyelidik muda dan senior di kalangan warga UiTM CPP, negara dan antarabangsa. Kepakaran mereka telah mengharmonikan proses, perancangan, tindakan dan penilaian, dan hasil yang menzahirkan keberkesanan dan kecekapan UiTM CPP dari aspek penyelidikan, perundingan, penerbitan dan pengkomersialan. Keharmonian telah dapat dicapai kerana mereka telah secara konsisten membudayakan peranan mereka sebagai mentor dan pakar rujuk terhadap aktiviti-aktiviti penyelidikan yang mampu menyemarakkan semangat kepada penyelidik-penyelidik di peringkat UiTM CPP, UiTM dan luar UiTM untuk bergiat aktif dan maju di dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Penglibatan aktif dan konsisten warga UiTM CPP di dalam **webinar penyelidikan** dan menjadi pakar rujuk kepada warga UiTM CPP bagi **melancarkan proses penyediaan kertas cadangan penyelidikan yang berkualiti** telah berjaya membudayakan BT ini di kalangan pensyarah dan penyelidik UiTM CPP bagi memastikan penyelidikan yang dijalankan di UiTM CPP dan UiTM adalah relevan dan signifikan selaras dengan keperluan UiTM dan negara (B5_Lampiran_2.5.9).

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang dinyatakan di atas, tahap pembudayaan yang terhasil daripada pelaksanaan dan penambahbaikan objektif dan inisiatif strategik BT telah memacu UiTM CPP dalam merealisasikan UiTM sebagai Globally Renowned University pada tahun 2025. Pencapaian bagi BT adalah melalui penyelidikan berimpak tinggi, jumlah penerbitan di jurnal berindeks Q1 dan Q2, jumlah perolehan geran nasional dan antarabangsa dan penganugerahan khusus. Kesemuanya telah menjadi satu kekuatan yang memartabatkan UiTM CPP serta UiTM ke persada antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_P01_PB05_20241_B1_Lampiran_2.5.1-2.5.4.pdf](#)

2. [K0060_P01_PB05_20242_B2_Lampiran_2.5.5.pdf](#)
3. [K0060_P01_PB05_20243_B3_Lampiran_2.5.6-2.5.7.pdf](#)
4. [K0060_P01_PB05_20244_B4_Lampiran_2.5.8.pdf](#)
5. [K0060_P01_PB05_20245_B5_Lampiran_2.5.9.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Keutamaan pelanggan di UiTM CPP amat dititikberatkan dalam semua aspek. Pendekatan yang menyeluruh telah dilaksanakan oleh **Bahagian PJIM&A** untuk memastikan ketiga-tiga unit di bawah perkhidmatannya, iaitu **Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) dan Unit Jaringan Industri, Komuniti, dan Alumni (ICAN)**, memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan. Untuk memastikan kualiti perkhidmatan pelanggan, **Model PDCA (Plan, Do, Check, Act)** telah digunakan.

Perancangan (P-Plan)

Perancangan yang sistematik amat dititikberatkan dalam aktiviti penerbitan, penyelidikan, dan pengkomersialan di UiTM CPP. **Bahagian PJIM&A telah merancang pelbagai peluang untuk staf dan pelajar termasuk menyediakan peluang untuk menghadiri webinar dan seminar** untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. PJIM&A juga **menggalakkan penyertaan dalam persidangan nasional dan antarabangsa** untuk memperluaskan jaringan dan pendedahan. Mereka juga **menyokong penerbitan buku dan manuskrip oleh staf akademik dan penyelidik**. Mereka **memastikan akses kepada geran nasional dan antarabangsa** untuk penyelidikan dan projek lain, serta mengadakan majlis menandatangani Memorandum Perjanjian/Persefahaman (MoU/MoA) untuk kerjasama dengan institusi lain. Selain itu, mereka **mendorong inovasi dan pengkomersialan hasil penyelidikan** menganjurkan aktiviti *University Social Responsibility/Knowledge Transfer Program (USR/KTP)* yang **melibatkan tanggungjawab sosial universiti dan pemindahan pengetahuan kepada komuniti setempat**.

Pelaksanaan (D-Do)

UiTM CPP telah mengambil tindakan untuk menyimpan dokumentasi dan laporan aktiviti pelanggan dengan menggunakan pelbagai sistem seperti **PRIME** untuk menyimpan rekod penerbitan akademik, **ICONS** untuk rekod perkhidmatan perundingan, **NILAMs** untuk rekod MoU/MoA yang ditandatangani, serta **iRMIs** untuk rekod projek penyelidikan. Sistem **PRIME Star Rating** juga digunakan untuk merekodkan aktiviti penglibatan komuniti.

Pemantauan (C-Check)

Maklum balas pelanggan terhadap sistem dan program yang dijalankan oleh Pengajian/Fakulti/Jabatan dan Unit diambil kira untuk penambahbaikan program pada masa akan datang. Kaedah pemantauan termasuk **pelaporan dalam sistem**, di mana sistem yang ada digunakan untuk membuat pelaporan berkala mengenai prestasi dan kepuasan pelanggan. Selain itu, penubuhan jawatankuasa turut dilaksanakan bagi menilai prestasi dan memberikan cadangan penambahbaikan. **Ganjaran dan pengiktirafan** juga diberikan kepada pelanggan yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan.

Pencegahan dan Penghapusan Risiko (A-Act)

Pengurusan UiTM CPP sering menilai risiko yang mungkin menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian pelanggan dalam aktiviti bidang tumpuan (BT). **Pengurusan risiko yang mampan** dari setiap unit telah dilaksanakan dengan teliti. Risiko yang diambil perhatian termasuk staf kurang berkemahiran, di mana **latihan atau webinar diadakan** untuk meningkatkan kemahiran staf; saingan bagi perolehan geran, dengan **mengatur strategi**

permonotan geran yang efektif, dana pengkomersialan yang kompeten, dengan mencari dana tambahan untuk menyokong pengkomersialan inovasi; kesukaran menerbitkan penerbitan berimpak, dengan memberikan tips dan sokongan untuk penerbitan berimpak tinggi; dan kurang sambutan dalam program komuniti, dengan menganjurkan program USR/KTP untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan komuniti.

Kesemua tindakan pengurusan kualiti pelanggan di UiTM CPP ini adalah bertepatan dengan piagam pelanggan yang meliputi tiga aspek iaitu: (a) **perkhidmatan**, (b) **spiritual** dan (c) **prasarana**. Bagi **perkhidmatan** kepada pelanggan, segala maklumat yang diberi perlulah tepat, terkini, responsif dalam pertanyaan, memberi bimbingan dan latihan, prosedur dan peraturan yang lengkap, serta pengurusan prestasi pelanggan. **Prasarana** yang disediakan meliputi tempat rujukan dan latihan, serta makalah dan artikel yang berkaitan. Selain itu, aspek **spiritual** seperti mesra pelanggan, memberikan sokongan moral dan empati amat perlu dalam memastikan kepuasan pelanggan dengan perkhidmatan yang diberikan.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan Dalaman

Pelanggan dalaman UiTM CPP dalam bidang tumpuan merangkumi seluruh warga UiTM CPP. Untuk memastikan kejayaan dalam BT tersebut, peranan dan perincian tugas bagi setiap kategori pelanggan ini telah dikenalpasti (B1_Lampiran 3.2.1a).

Pada tahun 2023, para penyelidik di UiTM CPP menunjukkan aktiviti yang aktif dan progresif dalam pelbagai bidang tumpuan. Mereka **terlibat dalam berbagai inisiatif seperti menandatangani memorandum perjanjian/persefahaman (MoU/MoA)** (B1_Lampiran 3.2.1b), memperoleh geran, menganjurkan program *University Social Responsibility (USR)* dan *Knowledge Transfer Program (KTP)*, serta **melaksanakan projek inovasi dan pengkomersialan**. Di samping itu, mereka juga menerbitkan **karya berimpak tinggi** dan berindeks, serta menjalankan aktiviti perundingan dan kolaborasi dengan pelanggan luar. Ini termasuk **penganjuran webinar dan kem penerbitan** seperti "*Writing in High-Impact Publication & Increase the Rate of Acceptance for a Manuscript, Artificial Intelligence Tools for Academic Writing dan Webinar Dana Inovasi Sosial Malaysia*" serta kem penerbitan (publication boot camp), telah membantu meningkatkan mutu penerbitan para penyelidik UiTM CPP (B2_Lampiran 3.2.1).

Ketampakan penyelidik di UiTM CPP dan peluang kolaborasi dengan industri ditingkatkan dengan **memanfaatkan maklumat kepakaran staf** yang terdapat di UiTM Expert (B2_Lampiran 3.2.2). Selain itu, semua sijil penghargaan, liputan akhbar, dan media mengenai peranan dan penglibatan staf akademik UiTM CPP, telah dipromosikan kepada semua warga melalui platform media sosial dan saluran lain (B2_Lampiran 3.2.3). Strategi-strategi ini dapat membantu UiTM CPP untuk **memperkukuh jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak**.

Dari segi **kolaborasi UiTM CPP dengan pihak industri** (B3_Lampiran 3.2.2) dan **komuniti tempatan**, kesemua hebahan dan laporan program USR/KTP di Newshub UiTM yang dijalankan telah dikongsi bersama warga UiTM CPP termasuk program Dari Hati ke Hati, Dare to Speak 2.0, Program Kunjungan Prihatin B40, Program Sparkle through Speech 2.0, Misi IQRA (B3_Lampiran 3.2.1). Program pengantarabangsaan pelajar di *Sakura Science Program, JF Oberlin University Tokyo Jepun, Semi Sea University Boot Camp, Singapore* dan pencapaian dalam *Pertandingan World Chef Championship di Istanbul, Turki* merupakan strategi tambahan bagi **meningkatkan kredibiliti dan kebolehpasaran pelajar UiTM CPP** (B3_Lampiran 3.2.3).

Pelanggan Luaran

Pelanggan luaran UiTM CPP merupakan elemen yang terdiri daripada alumni, masyarakat, industri, penerbit makalah, penganjur persidangan, pihak kolaborator tempatan dan antarabangsa, serta penaja geran. Sebagai contoh, satu sesi perkongsian oleh pensyarah Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM CPP bersama masyarakat setempat di Taman Haji Mohd Amin dan program Alumni Fun Run (B4_Lampiran 3.2.1). Di samping itu, **melalui hasil MoU dengan industri**, kepakaran dalam bidang kulinari dan makanan (B4_Lampiran 3.2.2) telah diaplikasikan di UiTM CPP. Kerjasama dapat **memperkaya pengalaman pembelajaran dan pengajaran serta memperkukuhkan hubungan antara universiti dan industri**. Ia juga **membuka peluang penambahbaikan dan inovasi** melalui pertukaran idea serta teknologi terkini.

Selain itu, keterlibatan pelanggan luaran turut **melonjakkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan**. Iklan tawaran geran-geran nasional dan antarabangsa boleh dilihat oleh penyelidik UiTM di e-mel rasmi masing-masing (B5_Lampiran 3.2.1). Pihak penerbit makalah seperti *Emerald Publishing & Wiley Online Library* juga membuat pelbagai tarikan dan tawaran untuk menggalakkan penyelidik membuat carian di laman masing-masing (B5_Lampiran 3.2.2).

SENARAI BUKTI:

1. [B0001_T01_TB02_20221_HASIL_1.pdf](#)
2. [K0060_T01_TB02_20242_B2_LAMPIRAN 3.2.1.pdf](#)
3. [K0060_T01_TB02_20243_B3_LAMPIRAN 3.2.1.pdf](#)
4. [K0060_T01_TB02_20244_B4_LAMPIRAN 3.2.1.pdf](#)
5. [K0060_T01_TB02_20245_B5_LAMPIRAN 3.2.1.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

3.3.1 Kaedah Pengumpulan Maklumat Pelanggan (Pendekatan)

UiTM CPP menguruskan maklumat pelanggan dengan **kaedah pengumpulan dan penyimpanan yang teratur dan sistematik**, meliputi maklumat dalaman dan luaran. Langkah ini memudahkan pencarian maklumat secara efektif serta **mempercepatkan carian terperinci dalam bidang tumpuan** (B1_Lampiran 3.3.1.1).

3.3.2 Penglibatan Kumpulan Sasaran dalam Pelaksanaan BT

Untuk memastikan **perancangan strategik dan transformasi UiTM CPP tercapai**, penglibatan pelanggan dalaman dan luaran UiTM dalam pelaksanaan penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan adalah sangat penting.

Pelanggan Dalaman

UiTM CPP sentiasa memastikan **penglibatan pelanggan dalaman dalam aktiviti BT** melalui penganjuran bengkel perancangan strategik dan transformasi universiti serta bengkel pemantauan penyelidikan. Dengan cara ini, seluruh warga UiTM CPP akan lebih **peka terhadap petunjuk prestasi yang perlu dicapai pada tahun 2023** (B2_Lampiran 3.3.2.1).

Selain itu, **sokongan berterusan daripada pengurusan UiTM CPP sangat memberangsangkan**, terutamanya apabila **Timbalan Rektor PJIM&A** sering melibatkan diri dalam pelbagai **program webinar** (B2_Lampiran 3.3.2.2). Ini memberikan **impak positif** dan seterusnya menggalakkan penyertaan warga UiTM CPP, khususnya penyelidik, untuk menghadiri pelbagai kursus dan latihan yang disediakan. Seterusnya, penyebaran maklumat mengenai program-program inovasi dan pengkomersialan yang dianjurkan oleh ketua-ketua projek dapat dilihat melalui pelbagai **medium promosi dan hebahan**, termasuk radio, akhbar dan media sosial (B3_Lampiran 3.3.2.2).

Di samping itu, warga **UiTM CPP yang terlibat sebagai ketua dan ahli projek bagi geran-geran nasional, industri, antarabangsa dan biaya terus, serta penerbitan berindeks WoS/Scopus pada tahun 2023**, telah diberi penghargaan oleh pengurusan tertinggi UiTM CPP (B4_Lampiran 3.3.2.1). Para penyelidik UiTM CPP juga dilantik sebagai **penceramah ucap tama, pembentang kertas kerja penyelidikan**, serta terlibat dalam penganjuran tersebut secara tidak langsung (B4_Lampiran 3.3.2.2).

Pelanggan Luaran

Pihak industri yang terlibat sebagai rakan strategik UiTM CPP hasil daripada **MoU/MoA yang dimeterai telah memberikan kerjasama dalam meningkatkan prestasi BT pada tahun 2023**. Dalam merencanakan aktiviti BT, pelbagai **MoA/MoU antara UiTM CPP dengan rakan strategik industri dan universiti tempatan serta antarabangsa**. Penyebaran maklumat kerjasama melalui hebahan di media sosial dan Newshub UiTM telah meningkatkan ketampakan para penyelidik di UiTM CPP (B3_Lampiran 3.3.2.1).

Sehubungan dengan itu, **penglibatan aktif** ini turut menyumbang kepada **penonjolan nama penyelidik UiTM CPP** dengan kepakaran mereka dalam aktiviti perundingan bersama pengusaha tempatan (B5_Lampiran 3.3.2.1). Penglibatan strategik ini telah berjaya menubuhkan **syarikat pemula** berasaskan pertanian yang berdaftar dengan SSM iaitu “Midory Farm Enterprise” yang memfokuskan pada produk pertanian bandar seperti penanaman salad dalam kabin, fertigasi pokok tin, dan akuaponik yang telah memulakan jualan.

Seterusnya, **Program Pemindahan Ilmu (KTP)** telah dianjurkan dan memberi **impak kepada komuniti setempat dan menarik perhatian pihak industri**. Sesi perkongsian ilmu ini dijalankan secara bersemuka dengan peserta mahupun secara maya, seperti perkongsian webinar. Program KTP memberi pendedahan ilmu pengetahuan dan skill kepada para peserta mengenai pengalaman industri (B5_Lampiran 3.3.2.2). **Program Tanggungjawab Sosial (USR)** juga telah dilaksanakan oleh pihak UiTM CPP membabitkan keterlibatan masyarakat dan menjalinkan hubungan yang erat bersama komuniti setempat (B5_Lampiran 3.3.2.2).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_T01_TB03_20241_B1_Lampiran 3.3.1. PERLUASAN.pdf](#)
2. [K0060_T01_TB03_20242_B2_Lampiran 3.3.2. PERLUASAN.pdf](#)
3. [K0060_T01_TB03_20243_B3_Lampiran 3.3.2. PERLUASAN.pdf](#)
4. [K0060_T01_TB03_20244_B4_Lampiran 3.3.2. PERLUASAN.pdf](#)
5. [K0060_T01_TB03_20245_B5_Lampiran 3.3.2. PERLUASAN.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Unit Strategik Transformasi Universiti (USTU) UiTM CPP bertanggungjawab **memantau secara menyeluruh pencapaian PI setiap bahagian di UiTM CPP**. Pelbagai usaha telah diambil, termasuk pelaksanaan bengkel perancangan strategik yang teratur, bagi **memantau PI yang telah ditetapkan kepada Bahagian PJIM&A terhadap BT** (B1_Lampiran 3.4.1.1). Beberapa perkhidmatan di bawah Unit PJIM&A seperti **Unit RMU, Penerbitan dan ICAN sering dipantau dan diurus dengan baik** (B1_Lampiran 3.4.1.2). Maklumat dan borang BT boleh dimuat turun melalui laman web Bahagian PJIM&A, UiTM CPP (B1_Lampiran 3.4.1.3).

Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) telah ditubuhkan untuk memperkukuh agenda penyelidikan, perundingan, inovasi dan pengkomersialan di universiti. Ke kerap **mesyuarat JPN** meningkat dari masa ke masa untuk **memantau dan memastikan sasaran PI yang ditetapkan di peringkat kampus tercapai menjelang akhir tahun** (B2_Lampiran 3.4.1.1). **Sistem PRIME** digunakan untuk memantau bilangan penerbitan, geran, hasil pemilikan, harta intelek dan penglibatan dengan komuniti melalui laporan kemajuan yang disediakan oleh ketua projek atau penyelidik (B2_Lampiran 3.4.1.2). Pemantauan penyelidikan pelajar pascasiswazah dilakukan melalui borang kemajuan pengajian yang perlu dilengkapkan oleh pelajar dan penyelia setiap semester (B2_Lampiran 3.4.1.3).

Sistem e-Aduan UiTM digunakan untuk menerima maklum balas daripada pelanggan dalaman dan luaran mengenai perkhidmatan universiti dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan UiTM CPP (B3_Lampiran 3.4.1.1). UiTM CPP telah menginovasikan **sistem UiTM PMS** untuk memudahkan maklum balas mengenai aktiviti dan program, yang akan digunakan untuk memperbaiki program-program akan datang (B3_Lampiran 3.4.1.2).

Kecekapan dalam pengurusan pemantauan BT turut menyumbang kepada keberhasilan bidang tersebut. Pelanggan dalaman dan luaran dapat merasai manfaat ini melalui **pelbagai usaha yang dijalankan untuk meningkatkan aktiviti dalam BT** (B4_Lampiran 3.4.1.1).

Untuk mengekalkan dan meningkatkan momentum dalam kalangan pelanggan dalaman dalam bidang tumpuan ini, **pelbagai insentif dan sijil penghargaan diberikan kepada warga UiTM dan kampus yang mencapai kecemerlangan dalam PI yang ditetapkan** (B5_Lampiran 3.4.1.1). Penghargaan daripada UiTM CPP kepada pihak yang meraih anugerah dalam BT turut dipaparkan sebagai sumber inspirasi bagi semua warga untuk terus mengejar kecemerlangan (B5_Lampiran 3.4.1.2). Bagi pelanggan luaran, **Projek Micro-Farm@Penang**, yang menggunakan sistem hidroponik dan akuaponik dalam pertanian bandar berfungsi sebagai peneraju dalam **penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan industri pertanian bandar**, serta membuka peluang kerjasama dengan jabatan kerajaan, industri dan masyarakat (B5_Lampiran 3.4.1.3).

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_T01_TB04_TC01_20241_B1_LAMPIRAN 3.4.1 PEMANTAUAN.pdf](#)
2. [K0060_T01_TB04_TC01_20242_B2_LAMPIRAN 3.4.1 PEMANTAUAN.pdf](#)
3. [K0060_T01_TB04_TC01_20243_B3_LAMPIRAN 3.4.1 PEMANTAUAN.pdf](#)
4. [K0060_T01_TB04_TC01_20244_B4_LAMPIRAN 3.4.1 PEMANTAUAN.pdf](#)
5. [K0060_T01_TB04_TC01_20245_B5_LAMPIRAN 3.4.1 PEMANTAUAN.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTM CPP sentiasa memastikan sasaran PI dicapai bagi BT. **Jadual 1 menunjukkan risiko yang boleh menjejaskan pencapaian serta cadangan untuk mengatasi risiko** dalam tumpuan pelanggan (B1_Lampiran 3.4.2.1).

Risiko pelanggan dalaman termasuk pensyarah yang **kurang aktif menulis, dan menghantar artikel penerbitan, berpunca dari kurangnya pengetahuan teknik penulisan berkesan** (B1_Lampiran 3.4.2.1). Walaupun banyak geran diperoleh, **output tidak memenuhi KPI**, dan kegagalan mendapatkan data untuk laporan program menyulitkan pengesahan di peringkat ICAN UiTM Shah Alam.

Tindakan pencegahan telah diambil dengan penganjuran program di bawah RMU, termasuk bengkel **“How to Carve a Winning FRGS Proposal Workshop,” “Article Writing and Publication Boot Camp 2023,” dan webinar “Writing in High-Impact Publication & Increase the Rate of Acceptance for a Manuscript”** untuk membantu pensyarah (B2_Lampiran 3.4.2.1). Neksus Penyelidikan UiTM (ReNeU), Pejabat TNC (P&I) mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Rektor PJIM&A, UiTM CPP untuk **mengukuhkan hubungan dan meneroka peluang kerjasama penyelidikan** dan mengikuti lawatan ke Centre for Policy Research, USM untuk **perkongsian penyelidikan**.

Pelbagai geran seperti FRGS, MYRA dan geran padanan tersedia, namun **persaingan sengit**. Unit RMU telah **menyebarkan maklumat melalui e-mel dan Facebook Rasmi Pejabat TNC (Penyelidikan & Inovasi)**, termasuk garis masa penilaian dan jemputan penceramah pakar untuk berkongsi maklumat tentang penyediaan kertas cadangan FRGS (B3_Lampiran 3.4.2.1). **Kekurangan dana dan kesukaran mendapatkan penajaan** menghalang pengkomersialan hasil penyelidikan. **PJIM&A** telah membantu menjalin kerjasama dengan industri melalui MoU dengan **Supreme Didactic, Hydroleaf Technology, dan Face Consulting Engineers** (B4_Lampiran 3.4.2.1).

Risiko pelanggan luaran termasuk kesukaran berkolaborasi dengan penyelidik luar, meyakinkan industri dan komuniti untuk berkongsi kepakaran serta mengkomersialkan hasil penyelidikan. **Penganjuran pertandingan antarabangsa** seperti Penang International Invention, Innovation and Design 2023 (B5_Lampiran 3.4.2.1) melibatkan perkongsian kepakaran dengan penyelidik luar manakala MoU/MoA bersama **Ares Energy, Pixel Play, Professional Mutawwif Development dan Ideal Property Group** (B5_Lampiran 3.4.2.2). Program KTP seperti Projek Expansion Fasa 2 Micro-Farm@Penang berjaya meningkatkan keyakinan pelanggan luar dalam **berkongsi kepakaran dengan penyelidik UiTM CPP** (B5_Lampiran 3.4.2.3). **Projek Expansion Fasa 2 Micro-Farm@Penang** juga dikomersialkan melalui MoU dengan Hydroleaf Technology, Sabah (B5_Lampiran 3.4.2.4).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_T01_TB04_TC02_20241_1. B1_LAMPIRAN 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO \(ACT\) .pdf](#)
2. [K0060_T01_TB04_TC02_20242_2. B2_LAMPIRAN 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO \(ACT\).pdf](#)
3. [K0060_T01_TB04_TC02_20243_3. B3_LAMPIRAN 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO \(ACT\).pdf](#)

4. [K0060_T01_TB04_TC02_20245_5. B5_LAMPIRAN 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO \(ACT\).pdf](#)
5. [K0060_T01_TB04_TC02_20245_5. B5_LAMPIRAN 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO \(ACT\).pdf](#)

3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTM CPP sentiasa memastikan sasaran PI dicapai bagi BT. Jadual 1 menunjukkan risiko yang boleh menjejaskan pencapaian serta cadangan untuk mengatasi risiko dalam tumpuan pelanggan (B1_Lampiran 3.4.2.1).

Risiko pelanggan dalaman termasuk pensyarah yang kurang aktif menulis, dan menghantar artikel penerbitan, berpunca dari kurangnya pengetahuan teknik penulisan berkesan (B1_Lampiran 3.4.2.1). Walaupun banyak geran diperoleh, output tidak memenuhi KPI, dan kegagalan mendapatkan data untuk laporan program menyulitkan pengesahan di peringkat ICAN UiTM Shah Alam.

Tindakan pencegahan telah diambil dengan penganjuran program di bawah RMU, termasuk bengkel "*How to Carve a Winning FRGS Proposal Workshop*," "*Article Writing and Publication Boot Camp 2023*," dan webinar "*Writing in High-Impact Publication & Increase the Rate of Acceptance for a Manuscript*" untuk membantu pensyarah (B2_Lampiran 3.4.2.1). Neksus Penyelidikan UiTM (ReNeU), Pejabat TNC (P&I) mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Rektor PJIM&A, UiTM CPP untuk mengukuhkan hubungan dan meneroka peluang kerjasama penyelidikan dan mengikuti lawatan ke Centre for Policy Research, USM untuk perkongsian penyelidikan.

Pelbagai geran seperti FRGS, MYRA dan geran padanan tersedia, namun persaingan sengit. Unit RMU telah menyebarkan maklumat melalui e-mel dan Facebook Rasmi Pejabat TNC (Penyelidikan & Inovasi), termasuk garis masa penilaian dan jemputan penceramah pakar untuk berkongsi maklumat tentang penyediaan kertas cadangan FRGS (B3_Lampiran 3.4.2.1). Kekurangan dana dan kesukaran mendapatkan penajaan menghalang pengkomersialan hasil penyelidikan. PJIM&A telah membantu menjalin kerjasama dengan industri melalui MoU dengan *Supreme Didactic, Hydroleaf Technology, dan Face Consulting Engineers* (B4_Lampiran 3.4.2.1).

Risiko pelanggan luaran termasuk kesukaran berkolaborasi dengan penyelidik luar, meyakinkan industri dan komuniti untuk berkongsi kepakaran serta mengkomersialkan hasil penyelidikan. Penganjuran pertandingan antarabangsa seperti *Penang International Invention, Innovation and Design 2023* (B5_Lampiran 3.4.2.1) melibatkan perkongsian kepakaran dengan penyelidik luar manakala MoU/MoA bersama *Ares Energy, Pixel Play, Professional Mutawwif Development dan Ideal Property Group* (B5_Lampiran 3.4.2.2). Program KTP seperti Projek Expansion Fasa 2 Micro-Farm@Penang berjaya meningkatkan keyakinan pelanggan luar dalam berkongsi kepakaran dengan penyelidik UiTM CPP (B5_Lampiran 3.4.2.3). Projek Expansion Fasa 2 Micro-Farm@Penang juga dikomersialkan melalui MoU dengan Hydroleaf Technology, Sabah (B5_Lampiran 3.4.2.4).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_T01_TB04_TC03_20241_B1_LAMPIRAN 3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN \(ACT\).pdf](#)
2. [K0060_T01_TB04_TC03_20242_B2_LAMPIRAN 3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN \(ACT\).pdf](#)
3. [K0060_T01_TB04_TC03_20243_B3_LAMPIRAN 3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN \(ACT\).pdf](#)

4. [K0060_T01_TB04_TC03_20244_B4_LAMPIRAN 3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN \(ACT\).pdf](#)
5. [K0060_T01_TB04_TC03_20245_B5_LAMPIRAN 3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN \(ACT\).pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan kanan UiTM CPP sentiasa memastikan bahawa semua tindakan yang diambil untuk **penambahbaikan bidang tumpuan disebarkan kepada seluruh warga UiTM CPP**. Ini bagi memastikan pelaksanaan yang efektif tanpa menjejaskan hala tuju yang telah ditetapkan. Oleh itu, JPN, yang terdiri daripada kalangan pengurusan kanan UiTM CPP, bertanggungjawab memastikan sasaran bidang tumpuan dicapai. **Mesyuarat JPN diadakan secara berkala** untuk memastikan bahawa tindakan yang diputuskan dalam mesyuarat sebelumnya telah dilaksanakan dan menunjukkan kemajuan dalam pencapaian PI yang ditetapkan (B1_Lampiran 3.4.3.1). Maklumat mengenai hasil mesyuarat yang berkaitan dengan BT disampaikan kepada pelanggan melalui bahagian PJIM&A, yang bertanggungjawab memastikan penambahbaikan dapat dilaksanakan (B1_Lampiran 3.4.3.2).

UiTM CPP memberi perhatian serius terhadap semua aduan yang diterima dari pelanggan dalaman dan luaran untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah optimum. Sistem yang digunakan ialah **e-Aduan UiTM** (B2_Lampiran 3.4.3.1). Aduan yang diterima oleh Unit Komunikasi Korporat UiTM CPP (UKK) akan disalurkan kepada PTJ berkaitan. Sesi perbincangan diadakan, dan **tindakan pembetulan segera diambil** serta dimaklumkan kepada pengadu melalui e-mel. Pelaksanaan sistem e-Aduan boleh dirujuk dalam carta alir (B2_Lampiran 3.4.3.2). Sistem ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Semua aduan dan maklum balas berkaitan pelanggan dalaman dan luaran yang diterima akan **dianalisis dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** (B3_Lampiran 3.4.3.1). Mesyuarat ini juga membincangkan hasil dapatan audit dalam termasuk yang berkaitan dengan bidang tumpuan. MKSP, yang terdiri daripada pengurusan kanan UiTM CPP, akan **membincangkan dan mensasarkan tindakan penambahbaikan yang dicadangkan** oleh ahli mesyuarat berdasarkan analisis yang dijalankan oleh setiap bahagian yang terlibat. Tindakan yang telah dipersetujui bersama akan dilaksanakan oleh jabatan yang berkaitan.

Hasil maklum balas juga dikongsi **dengan warga UiTM CPP melalui Amanat Rektor** (B4_Lampiran 3.4.3.1) dan melalui **perjumpaan dengan semua staf** (B4_Lampiran 3.4.3.2). Ini bertujuan memastikan perancangan dan sasaran UiTM CPP dapat dicapai. Selain itu, perjumpaan antara penyelia, penyelarasan lepasan ijazah dan pelajar diadakan untuk menyampaikan perkongsian ilmu dengan lebih jelas, sekaligus menyokong UiTM CPP dalam mencapai sasaran bidang tumpuan (B4_Lampiran 3.4.3.3). Hasil penganalisan PI juga disampaikan melalui **Bengkel Perancangan Strategik 2024** (B5_Lampiran 3.4.3.1).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_T01_TB05_20241_B1_LAMPIRAN 3.5.1 INTEGRASI.pdf](#)
2. [K0060_T01_TB05_20242_B2_LAMPIRAN 3.5.1 INTEGRASI.pdf](#)
3. [K0060_T01_TB05_20243_B3_LAMPIRAN 3.5.1 INTEGRASI.pdf](#)
4. [K0060_T01_TB05_20244_B4_LAMPIRAN 3.5.1 INTEGRASI.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM CPP telah menjalankan pelbagai inisiatif melalui perancangan (Plan) strategik kampus (Plan) bagi memastikan pencapaian Perancangan Strategik Kampus. Pelbagai unit, sistem dan langkah telah dibangunkan dan dilaksanakan bagi menyelia, memantau, mengukur dan menganalisis data bagi setiap pencapaian bidang tumpuan (BT) iaitu penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan di semua peringkat di UiTM CPP. Unit Pengurusan Kualiti UiTM CPP dan Unit Strategik Transformasi Universiti (USTU) merupakan sebuah unit yang menyelaras pelaksanaan, pemantauan dan penganalisaan data bagi mengukur tahap pencapaian objektif dan strategik kampus agar selari dengan objektif dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan Perancangan Strategik UiTM 2025.

Di UiTM CPP terdapat tiga Objektif Kualiti yang perlu dicapai, iaitu Objektif Kualiti Kampus (OKK), Objektif Kualiti Staf (OKS) dan Objektif Kualiti Pelajar (OKP). Ketiga-tiga objektif kualiti tersebut dikendalikan oleh Unit Pengurusan Kualiti dan Akreditasi (UPK&A) yang berfungsi sebagai unit yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti di UiTM CPP. Unit ini akan memastikan objektif kualiti UiTM CPP secara amnya dapat dibentuk dan dicapai mengikut Objektif Kualiti UiTM. Secara keseluruhannya terdapat sebanyak 3 daripada 12 objektif OKK dan OKS yang mensasarkan kepada penghasilan penerbitan, penyelidikan dan pengkomersilan.

USTU telah menyenaraikan PI (Do) yang perlu dicapai oleh UiTM CPP pada setiap tahun. Oleh yang demikian, bagi memastikan pencapaian PI pihak USTU telah memantau, mengukur dan menganalisis pencapaian tersebut. Pencapaian penerbitan dan perolehan geran bagi tahun 2023 menunjukkan peningkatan yang sangat ketara berbanding 2022. USTU telah melantik pengurus projek bagi merancang, melaksanakan dan menyelia aktiviti yang melibatkan penyelidikan dan penerbitan dibawah PJIM&A. Pengurus projek juga bertanggungjawab untuk memantau aktiviti yang dijalankan menggunakan sistem UiSMS yang disediakan oleh BTU.

Sistem yang komprehensif dan sistematik amat membantu dalam pengurusan data penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Antara sistem yang digunapakai adalah PRIME (<https://prime.uitm.edu.my>), IRMIs dan Quality Measurement System for Campus (QMES CAMPUS). Kaedah pemantauan (Check) yang dilakukan ialah dengan cara menganalisis data yang diperolehi dari sistem tersebut dan dibentangkan dalam beberapa mesyuarat seperti Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Jawatankuasa penyelidikan Negeri (JPN) dan Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN). Mesyuarat Pembentangan Pelaporan Pencapaian Prestasi UiTM CPP yang diadakan secara suku tahun oleh Unit Strategik Transformasi Universiti UiTM CPP ialah bagi tujuan penambahbaikan.

Antara tindakan penambahbaikan (Act) yang lain ialah UiTM CPP telah mengambil langkah proaktif untuk mengenal pasti risiko iaitu melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR), data risiko yang direkodkan oleh AJK Unit Pengurusan Risiko Negeri (UPRN) dibentangkan dan seterusnya didaftarkan dalam sistem Daftar Risiko (e-RMS). Pemilik risiko kemudian akan mengambil tindakan pencegahan ke atas risiko yang telah didaftarkan tersebut. AJK Pemilik Risiko ditugaskan untuk merancang tindakan pencegahan berdasarkan risiko yang telah dikemukakan. Disamping itu, UiTM CPP telah menjalankan kaji semula ke atas hasil tindakan berkaitan BT melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). USTU UiTM CPP juga turut melakukan kaji semula secara berkala melalui Mesyuarat Perancangan Strategik manakala Bahagian PJIM&A UiTM CPP turut melakukan kaji semula dan membuat tindakan penambahbaikan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN). Melalui hasil penganalisaan data dan penambahbaikan yang berterusan, UiTM CPP telah memperoleh pencapaian cemerlang dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) dan Unit Penerbitan di bawah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A) UiTM CPP bertanggungjawab terhadap pengumpulan data bagi pencapaian BT yang telah dipilih (B1_Lampiran 4.2.1). Peranan RMU dan Unit Penerbitan dalam mencapai BT dipaparkan pada B1_Lampiran 4.2.2.

Kaedah Pengukuran untuk menilai Prestasi Kampus dan prestasi staf yang diguna-pakai oleh UiTM CPP bagi tujuan pengumpulan data berdasarkan BT ialah seperti di B2_Lampiran 4.2.3.

Ke arah menjadikan UiTM sebuah universiti tersohor dunia pada tahun 2025, pelan perancangan strategik UiTM2025 dirangka dimana 8 petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan di bawah Unit Penerbitan pada tahun 2023. Bagi mencapai PI untuk penerbitan yang telah ditetapkan, pencapaian individu amat dititik beratkan. Selaras dengan itu, penetapan sasaran bilangan penerbitan bagi setiap staf akademik telah disesuaikan **Pekeliling Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Bil 1 2020 (B3_Lampiran 4.2.4)**.

Bagi memastikan misi GRU2025 tercapai, pindaan penilaian prestasi staf akademik melalui **penambahan komponen Kualiti Pencapaian** dalam sistem MyATP telah dibuat berdasarkan **Pekeliling Akademik Bilangan 03 Tahun 2022**. Komponen Kualiti Pencapaian di LNPT berdasarkan hasil kualiti pencapaian penerbitan mengikut kategori (B3_Lampiran 4.2.5). Pindaan ini secara tidak langsung dapat membudayakan penulisan dan penerbitan di kalangan staf akademik seterusnya meningkatkan bilangan penerbitan UiTM CPP.

Perancangan sistematik disediakan oleh Unit Penerbitan dalam mengumpulkan hasil penerbitan bagi tujuan **pelaporan pencapaian PI bulanan**. Data penerbitan diperolehi daripada sistem PRIME, pangkalan data Scopus dan WoS. UiTM CPP **mewajibkan penggunaan afiliasi Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang pada semua penerbitan**. (B4_Lampiran 4.2.6). **Inovasi dan perkongsian maklumat** melalui email yang dihantar oleh penyelaras penerbitan UiTM CPP berkaitan penggunaan afiliasi dapat mengurangkan kesilapan penulis dan membantu meningkatkan bilangan penerbitan milik UiTM CPP sekaligus membantu mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Penggunaan afiliasi ini sangat penting dalam meningkatkan tahap prestij dan reputasi UiTM CPP dalam dunia akademik. Ini membantu menarik lebih banyak perhatian dan pengiktirafan dalam komuniti akademik. Seterusnya, maklumat ini juga digunakan semasa proses verifikasi data dengan pihak BTU.

Semua geran penyelidikan perlu berdaftar dengan RMC UiTM Shah Alam. Maklumat berkaitan nilai geran yang telah didaftarkan boleh diperolehi daripada sistem Integrated Research Management Institute (IRMIs) (B4_Lampiran 4.2.7). Prestasi penyelidikan diukur daripada penyertaan dalam projek penyelidikan bertaraf nasional atau antarabangsa, serta kejayaan mendapatkan geran penyelidikan. Selain itu, pengiktirafan yang diterima oleh penyelidik UiTM CPP dalam bentuk anugerah atau penghargaan dari organisasi atau badan profesional yang berkaitan menjadi petunjuk prestasi kecemerlangan dalam bidang penyelidikan.

Pengkomersilan di UiTM CPP diurus selia oleh Business Innovation & Technology Commercialization Centre (BITCOM). BITCOM berperanan sebagai sistem sokongan dalam proses pengkomersilan inovasi dan teknologi UiTM yang mana **data pengkomersilan dikumpulkan untuk setiap projek** (B5_Lampiran 4.2.8). Semua produk yang akan dikomersilkan perlu membuat pendaftaran harta intelek atau hak cipta melalui system PRIME (B5_Lampiran 4.2.9).

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_A01_AB02_20241_B1_Lampiran 4.2.1 & 4.2.2.pdf](#)
2. [K0060_A01_AB02_20242_B2_Lampiran 4.2.3.pdf](#)
3. [K0060_A01_AB02_20243_B3_Lampiran 4.2.4 & 4.2.5.pdf](#)

4. [K0060_A01_AB02_20244_B4_Lampiran 4.2.6 & 4.2.7.pdf](#)
5. [K0060_A01_AB02_20245_B5_Lampiran 4.2.8 & 4.2.9.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan perancangan strategik dibuat oleh seluruh PTJ UiTM bagi mencapai misi GRU2025 sekaligus dapat meningkatkan kualiti pencapaian dan ketampakan staf di peringkat nasional dan antarabangsa. Bagi memastikan setiap warga UiTM CPP cakna, takwim mesyuarat utama UiTM CPP Tahun 2023 telah dipaparkan di laman sesawang UiTM CPP sejak awal tahun untuk makluman dan persediaan awal semua warga. Semua data berkaitan BT yang diperolehi dari system PRIME, iRMIs, QMES akan dianalisa dan dibentangkan dalam mesyuarat berkala seperti Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) dan Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN).

Mesyuarat Pembentangan Pelaporan Pencapaian Prestasi UiTM CPP yang diadakan secara suku tahun oleh Unit Strategik Transformasi Universiti UiTM CPP bagi tujuan penambahbaikan (B1_Lampiran 4.3.1). Penyebaran Takwim ini sangat penting untuk membantu pensyarah merancang terutamanya berkaitan permohonan kelulusan kewangan untuk penerbitan.

B2_Lampiran 4.3.2 menunjukkan **kekerapan analisa data penyelidikan bagi kaedah pengukuran individu**. Pelaporan bulanan akan dibentangkan setiap 2 bulan pada Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) yang dipengerusikan oleh Rektor. Pensyarah diingatkan untuk mengemaskini maklumat penerbitan masing-masing dalam sistem PRIME kerana data ini akan secara automatik dipaparkan dalam sistem MyATP untuk proses penilaian prestasi tahunan staf.

Seterusnya, pengukuran untuk pensyarah yang mengikuti trek penyelidikan dilakukan 2 kali setahun oleh Jawatankuasa Penyelidikan Negeri berdasarkan kriteria minimum yang telah ditetapkan dalam **Pekeliling Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Bil 1 2020** (B3_Lampiran 4.3.3). Data penyelidikan yang diperolehi daripada sistem iRMIs dianalisa oleh pihak RMU UiTM CPP untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan status geran penyelidikan. Selain itu, pihak RMU juga mengumpul data kejayaan perolehan geran melalui maklumbalas daripada penyelidik untuk geran industri dan juga data daripada KPT.

Bagi memastikan pencapaian prestasi OKK 4 tercapai, pihak pengurusan UiTM CPP telah **mewajibkan semua pensyarah DM52 keatas memohon geran FRGS Fasa 1/2023 dan matching grant** (B4_Lampiran 4.3.4 (a)). Inisiatif persediaan awal diambil bagi memastikan kertas cadangan FRGS dari UiTM CPP berkualiti tinggi seterusnya menjamin peratus kejayaan yang lebih cemerlang di peringkat KPT. Inisiatif ini juga secara tidak langsung menggalakkan pembabitan staf akademik yang terlibat sebagai penyelidik utama dalam projek penyelidikan untuk geran universiti atau nasional atau industri atau antarabangsa. PJI&A UiTM CPP sentiasa memantau pencapaian penerbitan dan penyelidikan demi memastikan PS yang disasarkan tercapai.

Ukuran yang digunakan sebagai acuan untuk menilai prestasi dan kejayaan dalam usaha pengkomersilan di UiTM CPP ialah dengan mengukur kejayaan dalam memperkenalkan produk baru atau inovatif ke pasaran. Ia mencerminkan kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan keperluan pasaran dan mencipta nilai baru. Satu kaedah pengukuran yang realistik dan signifikan adalah melalui ketampakan individu penyelidik UiTM CPP.

Selain itu, pihak PJI&A juga berkongsi informasi terkini dan kejayaan yang dicapai oleh staf UiTM CPP melalui akaun rasmi media sosial Facebook. Secara tidak langsung, ini dapat meningkatkan **ketampakan UiTM CPP di laman sesawang, media massa atau media sosial** (B5_LAMPIRAN 4.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_A01_AB03_20241_B1_4.3.pdf](#)
2. [K0060_A01_AB03_20242_B2_Lampiran_4.3.2.pdf](#)
3. [K0060_A01_AB03_20243_B3_Lampiran_4.3.3.pdf](#)
4. [K0060_A01_AB03_20244_B4_Lampiran_4.3.4\(a\)_&_4.3.4\(b\).pdf](#)
5. [K0060_A01_AB03_20245_B5_Lampiran_4.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menambah baik prestasi BT melalui perkongsian maklumat di semua peringkat. Amanat Rektor UiTM CPP 2023 merupakan medium utama yang mana maklumat hasil analisa data disampaikan kepada semua warga UiTM CPP. B1_Lampiran 4.4.1.1 menunjukkan petikan **Amanat Rektor UiTM CPP 2023** yang mana data berkenaan BT dikongsi dengan semua warga UiTM CPP. Selain itu, Unit Strategik Transformasi Universiti (USTU) UiTM CPP turut giat menyebarkan maklumat pencapaian petunjuk prestasi (PI) berkaitan BT melalui **laman sesawang USTU** (B1_Lampiran 4.4.1.2). Hasil analisa data dikemaskini secara berfasa dan dimuat naik ke dalam laman sesawang agar semua warga UiTM CPP dapat mencapai data tersebut secara pantas dan efisien. B1_Lampiran 4.4.1.3 menunjukkan contoh laporan pencapaian PI Fasa 12 yang telah dimuat turun daripada laman sesawang tersebut.

Di samping laman sesawang, USTU turut aktif berkongsi maklumat pelaporan pencapaian PI berkaitan BT hasil dari pemantauan melalui **e-mel rasmi** kepada semua warga UiTM CPP. B2_Lampiran 4.4.1.4 menunjukkan petikan e-mel rasmi USTU mengenai pencapaian PI061 dan PI065, iaitu bilangan penerima geran penyelidikan nasional dan geran penyelidikan industri yang telah berjaya mencapai 100% sasaran pada Fasa 9 tahun 2023. USTU turut dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan data pencapaian PI terkini berkaitan BT secara berkala kepada pengurusan tertinggi UiTM CPP melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)**. B3_Lampiran 4.4.1.5 menunjukkan petikan slaid pembentangan oleh penyelaras USTU dalam mesyuarat JKEN yang telah berlangsung pada 20 Oktober 2022. **Hasil pemantauan ini digunakan untuk kaji semula pengurusan** bagi mencapai sasaran yang ditetapkan pada awal tahun.

Selain USTU, Bahagian PJIM&A UiTM CPP juga memainkan peranan aktif dalam penyebaran maklumat data pencapaian PI melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN)** yang diadakan dengan kekerapan 6 kali setahun. B4_Lampiran 4.4.1.6 menunjukkan petikan Minit Mesyuarat JPN Bil.1/2022 berkenaan pencapaian semasa dan sasaran penyelidikan bagi tahun 2022. Sebaran maklumat pencapaian PI berkaitan BT turut juga dilakukan di peringkat pengajian/jabatan/unit melalui **penerbitan buletin** seperti Buletin Jabatan Sains Gunaan (B5_Lampiran 4.4.1.7).

Penambahbaikan dapat dilakukan hasil daripada pemantauan dan penganalisaan data yang telah dibenteng dan dikongsi kepada seluruh warga UiTM bagi menyumbang kepada peningkatan Skor i-UiTM.

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_A01_AB04_AC01_20241_LAMPIRAN 4.4.1.1, 4.4.1.2, 4.4.1.3.pdf](#)
2. [K0060_A01_AB04_AC01_20242_LAMPIRAN 4.4.1.4.pdf](#)
3. [K0060_A01_AB04_AC01_20243_LAMPIRAN 4.4.1.5.pdf](#)
4. [K0060_A01_AB04_AC01_20244_LAMPIRAN 4.4.1.6.pdf](#)
5. [K0060_A01_AB04_AC01_20245_LAMPIRAN 4.4.1.7.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTM CPP telah mengambil langkah proaktif untuk mengenal pasti risiko pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan berkaitan BT melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR)** yang diadakan dengan kekerapan **3 kali setahun** (B1_Lampiran 4.4.2.1). Proses ini dimulakan dengan **Mesyuarat Pertama JPR** yang diadakan pada awal tahun untuk mengenal pasti risiko berkaitan BT. **AJK Unit Pengurusan Risiko Negeri (UPRN)** yang dilantik di setiap unit/bahagian (Pemunya Risiko) di UiTM CPP perlu **mengetahui dan merekod data risiko** bagi unit/bahagian masing-masing dengan kekerapan **setiap 4 bulan** (B1_Lampiran 4.4.2.2). Data risiko yang direkodkan kemudian dibentangkan dalam mesyuarat JPR. Contoh risiko BT yang telah dikenal pasti oleh Pengajian Kejuruteraan Awam dan Akademi Pengajian Bahasa UiTM CPP masing-masing seperti pada B2_Lampiran 4.4.2.3 dan B2_Lampiran 4.4.2.4. Data risiko yang telah dibentangkan dalam mesyuarat JPR seterusnya didaftarkan di dalam sistem Daftar Risiko (e-RMS). Pengurus Risiko kemudian mengambil tindakan mitigasi ke atas risiko yang telah didaftarkan. Pada pertengahan tahun, **Mesyuarat Kedua** JPR diadakan untuk mengenal pasti risiko baru sekiranya ada dan mengesahkan status tindakan mitigasi yang telah diambil untuk risiko sebelumnya (B3_Lampiran 4.4.2.5). Daftar Risiko yang terkini dikemaskini selepas mesyuarat tersebut. Pada penghujung tahun pula, **Mesyuarat Ketiga** JPR diadakan untuk mengenal pasti risiko baru sekiranya ada dan mengesahkan status tindakan pencegahan yang telah diambil untuk risiko sebelumnya. Ajk Pemilik Risiko ditugaskan untuk **merancang tindakan pencegahan** berdasarkan risiko yang telah dikemukakan. Daftar Risiko yang terkini dikemaskini pada atau sebelum tarikh yang diminitkan (B4_Lampiran 4.4.2.6).

Carta alir pengoperasian pengurusan risiko UiTM CPP seperti ditunjukkan pada B5_Lampiran 4.4.2.7.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_A01_AB04_AC02_20241_LAMPIRAN 4.4.2.1, 4.4.2.2.pdf](#)
2. [K0060_A01_AB04_AC02_20242_LAMPIRAN 4.4.2.3, 4.4.2.4.pdf](#)
3. [K0060_A01_AB04_AC02_20243_LAMPIRAN 4.4.2.5.pdf](#)
4. [K0060_A01_AB04_AC02_20244_LAMPIRAN 4.4.2.6.pdf](#)
5. [K0060_A01_AB04_AC02_20245_LAMPIRAN 4.4.2.7.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTM CPP telah menjalankan kaji semula ke atas hasil tindakan berkaitan (BT) melalui **MKSP** yang diadakan dengan kekerapan sebanyak 2 kali setahun. Dalam MKSP Bil.2/2023, pencapaian semasa Objektif Kualiti Kampus (OKK) yang menjurus kepada BT, iaitu OKK 4 dan OKK 6 telah dibentangkan dan dikaji semula (B1_Lampiran 4.4.3.1). Penetapan **OKK dan OKS** (yang berkaitan sahaja) telah dikemaskini pada 20/7/20 dan dipamerkan pada laman sesawang UiTM CPP (B1_Lampiran 4.4.3.2).

Selain MKSP, **Mesyuarat Perancangan Strategik** juga dijalankan secara suku tahunan (B2_Lampiran 4.4.3.3). Contoh **slaid pembentangan pencapaian PI BT dalam mesyuarat suku kedua tahun 2023** (Julai 2023) disertakan pada B2_Lampiran 4.4.3.4. Rentetan daripada kaji semula, USTU telah mengambil langkah penambahbaikan seperti penganjuran webinar bertajuk "**Perancangan Strategik: Apa yang anda perlu ta** bagi meningkatkan lagi pencapaian PI BT (B3_Lampiran 4.4.3.5). **Tindakan hasil penganalisan yang di** telah dikongsikan kepada warga jabatan melalui penganjuran webinar tersebut.

Bahagian PJIM&A UiTM CPP turut melakukan kaji semula dan membuat tindakan penambahbaikan melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN)** yang dipengerusikan oleh Rektor UiTM CPP. Bagi mempertingkatkan lagi pencapaian PI penyelidikan, JPN melalui mesyuarat Bil.4/2023 telah mengambil keputusan untuk **mewajibkan semua staf akademik UiTM CPP Gred DM52** ke atas dan tidak mengetuai sebarang projek penyelidikan untuk **memohon geran FRGS Fasa 1/2024** (B4_Lampiran 4.4.3.6 dan B4_Lampiran 4.4.3.7). Selain JPN, **Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU)** UiTM CPP turut mengambil tindakan proaktif untuk menambahbaik pencapaian PI BT melalui penganjuran pelbagai aktiviti bersasar sepanjang tahun 2023 (B5_Lampiran 4.4.3.8).

Penambahbaikan yang dibuat dari penganalisan hasil tindakan membuktikan lonjakan pencapaian PI bida penyelidikan dan penerbitan bagi UiTM CPP .

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_A01_AB04_AC03_20241_K0060_A01_AB04_AC03_20241_K4_PEMBELAJARAN_MENGAJAI_SEMULA_B1.pdf](#)
2. [K0060_A01_AB04_AC03_20242_K0060_A01_AB04_AC03_20242_K4_PEMBELAJARAN_MENGAJAI_SEMULA_B2.pdf](#)
3. [K0060_A01_AB04_AC03_20243_K0060_A01_AB04_AC03_20243_K4_PEMBELAJARAN_MENGAJAI_SEMULA_B3.pdf](#)
4. [K0060_A01_AB04_AC03_20244_K0060_A01_AB04_AC03_20244_K4_PEMBELAJARAN_MENGAJAI_SEMULA_B4.pdf](#)
5. [K0060_A01_AB04_AC03_20245_K0060_A01_AB04_AC03_20235_K4_PEMBELAJARAN_MENGAJAI](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengumpulan dan penganalisan data secara sistematik merupakan satu usaha yang sangat penting bagi memantau dan mengukur pencapaian BT. Ini adalah kerana hasil analisis data tersebut dapat membantu UiTM CPP untuk melaksanakan tindakan penambahbaikan dari masa ke semasa sehingga memperoleh peningkatan dalam pencapaian BT.

Antara tindakan penambahbaikan yang dilakukan oleh UiTM CPP bagi meningkatkan pencapaian penerbitan adalah melalui penganjuran webinar, bengkel, insentif pembayaran yuran penerbitan, anugerah pencapaian dan penghargaan kepada semua penyumbang PI. Antara inisiatif yang dilakukan termasuk penganjuran bengkel **“Road to Q1/Q2 (WOS) Publications”**. Langkah ini dilihat dapat menyuntik semangat dan memotivasikan semua staf akademik untuk terus aktif berkarya bagi menghasilkan penerbitan berindeks dan berimpak tinggi. Disamping itu, peningkatan bilangan penerbitan bersama penulis dari pelbagai agensi dan institusi sama ada di peringkat nasional, industri dan antarabangsa dari tahun ke tahun menyerlahkan ketampakan staf akademik seterusnya meningkatkan keserjanaan staf UiTM CPP di peringkat nasional dan antarabangsa.

Berdasarkan data yang dikumpul dan hasil analisis yang diperolehi UiTM CPP telah mengambil beberapa langkah yang agresif bagi meningkatkan lagi perolehan geran penyelidikan. Antaranya UiTM CPP telah mengadakan beberapa siri webinar yang mantap dan berterusan contohnya bengkel **“Article Writing and Publication BOOT CAMP 2023”**. Hasilnya, UiTM CPP telah berjaya merangkul kejayaan yang besar dengan memperoleh geran dan penerbitan yang memberangsangkan pada tahun 2023 (B1_Lampiran 4.5.1). Pencapaian yang membanggakan ini juga turut melebihi sasaran OKK 4 yang telah mensasarkan bilangan geran penyelidikan hanya sebanyak RM 2 juta menjelang 2025.

Bagi memantapkan lagi kejayaan yang diperolehi dalam bidang pengkomersilan, UiTM CPP telah memberi dorongan kepada semua staf bagi mencipta pelbagai produk dan menyertai pertandingan projek inovasi seperti **Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)** (B2_Lampiran 4.5.2) dan **Penang International Invention, Innovation & Design (PIID) 2023** (B2_Lampiran 4.5.3).

Kumpulan North Pearl ‘20 misalnya menyertai konvensyen KIK peringkat UiTM dan mendapat penarafan emas bagi Anugerah KIK Primer Terbaik dalam Bidang Inovasi P&P dan Anugerah Dokumentasi Terbaik (B3_Lampiran 4.5.4). **Kumpulan I-CHEM** juga turut mendapat penarafan emas serta merupakan johan KIK keseluruhan zon Utara 2023 (B3_Lampiran 4.5.5).

Disamping itu, semua staf juga sangat digalakkan untuk mengadakan kerjasama dengan pihak industri dan menandatangani lebih banyak MoU dan MoA dengan pelbagai institusi. Hasilnya terdapat peningkatan jumlah bilangan **MoU dan MoA** yang telah dimeterai pada tahun 2023 (B4_Lampiran 4.5.6 & B4_Lampiran 4.5.7). Pembudayaan penyelidikan melalui penerbitan bersama kolaborator hasil dari **MoU/MoA di peringkat nasional dan antarabangsa** juga dilihat membantu melonjakkan pencapaian PI penerbitan (B5_Lampiran 4.5.8) dan menyerlahkan ketampakan UiTM CPP di peringkat antarabangsa.

Melalui hasil penganalisan data dan penambahbaikan yang berterusan, UiTM CPP telah memperoleh pencapaian cemerlang dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_A01_AB05_20241_K0060_A01_AB05_20235_K4_INTEGRASI_B1.pdf](#)
2. [K0060_A01_AB05_20242_K0060_A01_AB05_20232_K4_INTEGRASI_B2.pdf](#)
3. [K0060_A01_AB05_20243_K0060_A01_AB05_20243_K4_INTEGRASI_B3.pdf](#)
4. [K0060_A01_AB05_20244_K0060_A01_AB05_20244_K4_INTEGRASI_B4.pdf](#)
5. [K0060_A01_AB05_20245_K0060_A01_AB05_20235_K4_INTEGRASI_B5.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan pembangunan sumber manusia bagi penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di UiTM CPP adalah berdasarkan kepada pendekatan **PDCA Cycle** yang merujuk kepada perancangan (**Plan**), pelaksanaan (**Do**), pemantauan (**Check**) dan tindakan penambahbaikan (**Act**). Pendekatan **PDCA** yang digunapakai di UiTM CPP dapat menjamin pengurusan sumber manusia yang cekap kerana pendekatan ini amat menitik beratkan faktor **kitaran penambahbaikan berterusan** untuk mengoptimumkan bakat sumber manusia di UiTM CPP.

Perancangan (**Plan**) pengurusan sumber manusia di UiTM CPP adalah berteraskan nilai kolektif bersama sebagai sebuah organisasi iaitu **ESI (excellence, synergy dan integriti)**. Selain dari itu pengurusan sumber manusia juga amat menekankan nilai yang perlu ada pada setiap warga UiTM iaitu menerusi **i-DART (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab)**. Hasil perancangan (**Plan**) yang cekap untuk bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dapat di lihat melalui jumlah pertambahan warga UiTM CPP dengan **berkelayakan PhD dan keahlian professional**. Jumlah warga UiTM CPP pada tahun 2023 dengan kelayakan PhD telah meningkat kepada **180 orang** dan **98 orang** dengan keahlian professional.

Aspek pelaksanaan (**Do**) pengurusan UiTM CPP sentiasa membantu warga UiTM CPP untuk meningkatkan kepakaran di dalam bidang masing-masing melalui **sesi perkongsian kepakaran** menerusi pelbagai sesi **Webinar** dan **Seminar**. Selain dari itu, usaha keras di kalangan warga UiTM CPP juga dapat di lihat melalui pelbagai geran yang di perolehi sepanjang tahun yang telah meletakkan UiTM CPP sebagai **Top UiTM Campus Contributor bagi PI TNC P&I**. Melalui perancangan sumber manusia yang cekap di UiTM CPP lonjakan positif **100%** dapat dilihat melalui **penerbitan berimpak tinggi** yang membantu kampus dari aspek pelaksanaan dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. **Bantuan kewangan** turut di berikan kepada semua warga UiTM CPP untuk memastikan kelancaran proses penerbitan dan hasilnya warga akademik di UiTM CPP telah berjaya membuat pelbagai penerbitan berimpak tinggi seperti **SCOPUS, WOS dan Mycite**.

Aspek pemantauan (**Check**) yang di laksanakan di UiTM CPP dapat di lihat melalui **Kajian indeks kegembiraan UiTM 3.0 (UHI3.0) dan sistem e-aduan yang terbahagi kepada Aduan Korporat, Aduan ICT dan Aduan Fasiliti**. Sistem ini membantu pengurusan UiTM CPP untuk mengambil tindakan yang lebih cepat dan menyelesaikan setiap permasalahan dan aduan yang di terima sekaligus dapat membantu meningkatkan tahap kepuasan hati warga UiTM CPP.

Dalam aspek tindakan penambahbaikan (**Act**) pengurusan UiTM CPP juga sentiasa berusaha memastikan kelancaran proses kerja dengan menyediakan pelbagai **kemudahan infrastruktur** yang lengkap dan tersedia untuk kegunaan semua warga UiTM CPP yang membolehkan pelbagai aktiviti seperti bengkel, konferen, kursus dan perbincangan di laksanakan dengan lebih mudah. Selain dari itu pengurusan di UiTM CPP juga amat menitik beratkan **kesihatan fizikal dan mental** semua warga UiTM CPP. Melalui berbagai **aktiviti riadah** di dalam kampus untuk membantu warga UiTM CPP lebih fokus dan produktif.

Model **PDCA** yang digunakan dalam pengurusan sumber manusia ini menerapkan nilai **ESI** dan

i-DART telah berjaya membudayakan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di UiTM CPP. Kejayaan ini dapat dilihat melalui kecemerlangan pelbagai projek pengkomersialan seperti ***EMZi Nano core***, ***i-Mistroom***, ***UFRA Tech*** dan ***Geraneem Soap Steals*** yang telah berjaya **memenangi pelbagai anugerah dalam dan luar negara** dan dalam masa yang sama telah berjaya **membantu menaiktaraf sosio ekonomi bagi golongan asnaf dan B40**. Pengurusan sumber manusia yang cekap di UiTM CPP juga telah menghasilkan penyelidik yang tersohor seperti **World Top 2% Scientist** dan **Tokoh Pengkomersialan UiTM 2023**.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan yang dibawa di Di UiTM CPP melalui kaedah pengurusan sumber manusia bagi bidang penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan adalah berteraskan **Nilai Organisasi ESI** (B1_Lampiran 5.2.1) iaitu **Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti serta Nilai Individu i-DART** (B2_Lampiran 5.2.1) iaitu **Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab**. Nilai **ESI** dan **i-DART** dipraktikkan di UiTM CPP kerana nilai-nilai ini merupakan asas kepada penghasilan produktiviti dan usaha penambahbaikan berterusan untuk mencapai objektif yang menjurus kepada kesepaduan dan kepakaran warga universiti. Nilai-nilai ini amat penting di dalam usaha memastikan sumbangan berterusan UiTM CPP terhadap industri, komuniti dan masyarakat sekeliling.

Nilai Kecemerlangan adalah salah satu nilai organisasi utama yang dipraktikkan di UiTM dan untuk mencapai nilai ini, warga UiTM CPP perlu mempunyai nilai individu seperti Disiplin dan Rajin. Di UiTM CPP, nilai Disiplin dan Rajin dapat dilihat melalui komitmen padu warga UiTM CPP terhadap penghasilan penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan. Kecemerlangan ini tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan yang padu dari bahagian sumber manusia melalui proses yang tangkas dan memperuntukkan sumber yang mencukupi secara berterusan bagi menyuntik semangat warga UiTM CPP untuk terus membenteng kertas kerja di konferensi dipelbagai peringkat nasional atau antarabangsa. Selain dari itu nilai Kecemerlangan sesebuah organisasi juga perlu disokong dengan nilai individu seperti Sinergi dan Ilmu. Di UiTM CPP nilai Sinergi dan Ilmu dapat dilihat menerusi sumbangan UiTM CPP melalui kepakaran para penyelidikannya dalam aktiviti perundingan bersama pengusaha tempatan melalui projek Micro-Farm (B3_Lampiran 5.2.1). Nilai Sinergi dan Ilmu juga penting kepada UiTM CPP dengan usaha berterusan dalam penganjuran beberapa siri sesi perkongsian ilmu yang dilakukan melalui pelbagai seminar secara berterusan dan kejayaan ini dapat dilihat dengan peningkatan jumlah penyelidik seramai 97 orang di samping peningkatan *Corresponding Author* seramai 552 orang (B3_Lampiran 5.2.2).

Selain itu, nilai organisasi di UiTM iaitu **Integriti** dan nilai individu seperti **Amanah** dan **Tanggungjawab** yang diamalkan di UiTM CPP dapat dilihat melalui proses **pemindahan ilmu di antara warga UiTM CPP dengan masyarakat setempat**. Antaranya penglibatan warga UiTM CPP untuk **menyalurkan informasi kesedaran dalam kalangan belia berkenaan penderaan kanak-kanak**. Projek sosial ini telah dilaksanakan sewaktu berlangsung program Mega Charity Run (B4_Lampiran 5.2.1). Selain itu UiTM CPP juga menggalakkan penglibatan warganya dalam projek pengkomersialan melalui projek seperti **i-Mistroom** (B4_Lampiran 5.2.2).

Nilai organisasi **Sinergi** di dalam **ESI** dapat dilihat melalui kerjasama pelbagai jabatan di UiTM CPP. Bagi memastikan kelancaran pengurusan sumber manusia, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) juga turut terlibat dalam membantu untuk memastikan warga UiTM CPP dan pelajar dapat menyertai pertandingan inovasi dan penyelidikan. Penglibatan BHEA adalah dengan membantu proses pengurusan permohonan dan kelulusan melalui Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA). Selain dari itu Unit Penyelidikan (RMU) di bawah Bahagian Penyelidikan Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A) berperanan menggalakkan aktiviti penyelidikan di UiTM CPP. Penawaran Trek Penilai LNPT yang pelbagai bagi warga UiTM CPP memberi pilihan dan membantu UiTM CPP dalam mencapai KPI/PI yang ditetapkan terutamanya dalam bidang penyelidikan (B5_Lampiran 5.2.1).

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_S01_SB02_20241_B1_Lampiran 5.2.1.pdf](#)
2. [K0060_S01_SB02_20242_B2_Lampiran 5.2.1.pdf](#)
3. [K0060_S01_SB02_20243_B3_Lampiran 5.2.1.pdf](#)

-
4. [K0060_S01_SB02_20244_B4_Lampiran 5.2.1..pdf](#)
 5. [K0060_S01_SB02_20245_B5_Lampiran 5.2.1.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pendekatan seterusnya adalah tertumpu kepada **pemeriksaan sumber manusia dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan**. Bakat berdasarkan kepakaran dan kemahiran warga UiTM CPP adalah amat dititikberatkan oleh Bahagian Pentadbiran (BP). **Perancangan dilaksanakan ke seluruh UiTM** bagi memastikan warga UiTM CPP terus maju dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Permintaan sumber manusia dalam bidang penyelidikan jelas menunjukkan bahawa warga UiTM CPP dapat memperluaskan lagi kepakaran dan kemahiran masing-masing di peringkat nasional melalui **perlantikan sebagai pakar rujuk** dalam program KTP (B1_Lampiran 5.3.1). Menjadi **pakar rujuk akademik** serta **agensi kerajaan dan badan profesional lain di luar UiTM CPP** (B1_Lampiran 5.3.2). Di samping itu, terdapat juga warga UiTM CPP berkongsi kepakaran sebagai Profesor Pelawat bersama universiti luar negara (B1_Lampiran 5.3.3 (a)). Kehebatan warga UiTM CPP juga diperakui di peringkat **antarabangsa** melalui **pelantikan sebagai Profesor Pelawat** di universiti luar negara (B1_Lampiran 5.3.3 (b)).

BP dan pusat pengajian menggalakkan warga UiTM CPP untuk mengikuti **latihan industri dan latihan professional** di agensi samada di **peringkat nasional dan antarabangsa** bagi memantapkan ilmu dan kepakaran penyelidik seterusnya dapat mengukuhkan jaringan kerjasama dengan institusi luar (B2_Lampiran 5.3.1). Kepakaran warga UiTM CPP juga diserlahkan melalui **keahlian badan profesional** seperti Teknologis (Ts.), Professional Engineer (Ir.) dan Professional Chemist (ChM.) yang diiktiraf dari The Malaysia Board of Technologists (MBOT), Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), dan The Institution of Engineers, Malaysia (IEM). Selain itu, terdapat juga pelantikan warga UiTM CPP sebagai **panel penilai, ahli bersekutu dan juri pemeriksa luar universiti** (B2_Lampiran 5.3.2 & 5.3.3).

Aktiviti seperti **persidangan** yang dianjurkan oleh UiTM CPP di **peringkat nasional dan antarabangsa** dapat memberi peluang kepada warga UiTM CPP yang berpotensi tinggi untuk **berkongsi ilmu dan kepakaran dalam penyelidikan** (B3_Lampiran 5.3.1). Jemputan dan penghargaan kepada warga UiTM CPP sebagai **penceramah ucap tama (keynote speaker)** dalam persidangan juga membuktikan pernyataan 'warga UiTM CPP mempunyai Kemahiran dan pengalaman yang tinggi' telah diterima-pakai secara meluas di dalam komuniti penyelidik (B3_Lampiran 5.3.2).

Selain itu, penubuhan kumpulan **Special Interest Group (SIG), Research Initiative Group (RIG) dan ahli bersekutu CoE Shah Alam** (B4_Lampiran 5.3.1). membolehkan warga UiTM CPP bekerja dalam satu kumpulan yang mempunyai bidang yang sama bagi meningkatkan pencapaian dalam bidang tumpuan sehingga menghasilkan inovasi pengkomersilan (B4_Lampiran 5.3.1). Ini memberi peluang kepada warga UiTM CPP yang cemerlang dilantik sebagai **ketua penyelidik dalam kumpulan SIG dan berkongsi ilmu kepakaran** melalui aktiviti perundingan dengan agensi luar samada agensi kerajaan, badan berkanun swasta mahupun antarabangsa. Hasil perkongsian ilmu, kepakaran dan pengalaman antara individu dalam setiap kumpulan SIG juga terbukti dengan menjadi **pakar rujuk Industri** dan berjaya memantapkan output dan sumbangan dalam penyelidikan serta pengkomersilan (B4_Lampiran 5.3.2). Kecemerlangan terbukti dengan **penghasilan beberapa produk komersial** oleh warga UiTM CPP yang amat membanggakan (B4_Lampiran 5.3.3). Ini dapat membuka peluang kepada **warga UiTM CPP untuk memperluaskan jaringan penyelidikan ke peringkat antarabangsa**.

Perluasan jalinan kepakaran penyelidik UiTM CPP telah dibuktikan dengan **peningkatan bilangan 50 MoU/MoA** yang ditandatangani **dengan pelbagai universiti** (B5_Lampiran 5.3.1) **mahupun industri** (B5_Lampiran 5.3.2) hingga ke peringkat antarabangsa. Pengoptimuman strategi yang berkesan ini berjaya memberi peluang pihak luar untuk mengadakan MoU dan MoA dengan UiTM CPP yang memberi impak yang positif dalam **mencapai objektif**

pengalaman, perolehan dan penghematan disebabkan kepatuhan ini juga untuk meningkatkan tahap sosio - ekonomi penduduk tempatan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_S01_SB03_20241_Lampiran B1 Kriteria 5.3.pdf](#)
2. [K0060_S01_SB03_20242_Lampiran B2 Kriteria 5.3.pdf](#)
3. [K0060_S01_SB03_20243_Lampiran B3 Kriteria 5.3.pdf](#)
4. [K0060_S01_SB03_20244_Lampiran B4 Kriteria 5.3.pdf](#)
5. [K0060_S01_SB03_20245_Lampiran B5 Kriteria 5.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelan Pemantauan PI Tahun 2023 UiTM CPP telah melaksanakan pelan pemantauan berkala dalam penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan. Pelan ini memastikan kemajuan yang berterusan dan pencapaian sasaran PI dengan berkesan, serta menyokong matlamat strategik untuk memperkukuh dan memperluas sumbangan penyelidikan institusi.

Sasaran dan Petunjuk Prestasi Penyelidikan dimaklumkan bahawa pencapaian Petunjuk Prestasi untuk RMU (Penyelidikan) bagi tahun 2023 sehingga bulan November 2023, berdasarkan data rasmi yang diperolehi daripada Bahagian Teknologi Universiti (BTU), menunjukkan bahawa hampir kesemua PI telah mencapai sasaran melebihi 100%. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Lampiran B1_5.4.1.

Statistik Pendaftaran Projek Penyelidikan Mengikut Kategori Tahun 2023, statistik pendaftaran projek penyelidikan menunjukkan prestasi yang baik dengan jumlah pendaftaran keseluruhan sebanyak **51 projek**. Dari jumlah tersebut, **kategori peringkat industri telah mencatatkan 14 pendaftaran**, menunjukkan minat dan penyertaan yang signifikan dalam sektor industri. Sementara itu, **kategori biaya terus mencatatkan 15 pendaftaran**, mencerminkan komitmen berterusan dalam penyelidikan yang dibiayai secara langsung. (B2_Lampiran 5.4.1).

Berdasarkan data penyelidikan UiTMPP, terdapat 239 pensyarah yang berfungsi sebagai "Corresponding Author" untuk tahun 2023. Jumlah penerbitan mereka melibatkan **171 artikel jurnal berindeks, 121 prosiding, 99 MyCite, dan 28 artikel dalam jurnal tidak berindeks, menjadikan jumlah keseluruhan penerbitan sebanyak 427**. Ini menunjukkan penglibatan aktif dan produktiviti penyelidikan yang tinggi di kalangan pensyarah UiTM, dengan penekanan pada penerbitan berkualiti dan penyertaan dalam persidangan serta sumbangan tempatan. (Rujuk Lampiran B3_5.4.1 untuk maklumat lanjut).

Pemantauan melalui Sistem Saring UiTM: UiTM akan terbit peringatan dalam **sistem saring covid** untuk memantau dan menyemak status setiap pensyarah sebagai "**Corresponding Author**." memastikan para pensyarah memeriksa status penulisan dalam Sistem PRIME dan mengemaskini maklumat yang diperlukan dengan teliti (B4_Lampiran 5.4.1).

Pencapaian Petunjuk Indikator (PI) penerbitan yang melebihi sasaran menunjukkan bahawa kemudahan infrastruktur UiTM CPP adalah sangat baik. Kejayaan ini mencerminkan kepuasan tinggi staf, kerana infrastruktur yang selesa, peralatan yang berfungsi dengan baik, dan sumber yang mencukupi telah meningkatkan produktiviti dan motivasi staf. Secara keseluruhan, pencapaian ini menandakan pengurusan infrastruktur yang berjaya dan persekitaran kerja yang kondusif, memposisikan UiTM CPP di landasan yang tepat untuk mencapai objektifnya. (Rujuk Lampiran B5_5.4.1 untuk maklumat lanjut).

SENARAI BUKTI:

- 1.K0060_S01_SB04_SC01_20231_K5_LEARNING (CHECK)_B1.pdf
- 2.K0060_S01_SB04_SC01_20232_K5_LEARNING(CHECK)_B2.pdf
- 3.K0060_S01_SB04_SC01_20233_K5_LEARNING(CHECK)_B3.pdf
- 4.K0060_S01_SB04_SC01_20234_K5_LEARNING(CHECK)_B4.pdf
5. K0060_S01_SB04_SC01_20235_K5_LEARNING(CHECK)_B5.pdf

[\[MA1\]](#)

[\[MA2\]](#)

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_S01_SB04_SC01_20241_Lampiran B1 Kriteria 5.4.1.pdf](#)
2. [K0060_S01_SB04_SC01_20242_Lampiran B2 Kriteria 5.4.1.pdf](#)
3. [K0060_S01_SB04_SC01_20243_Lampiran B3 Kriteria 5.4.1.pdf](#)
4. [K0060_S01_SB04_SC01_20244_Lampiran B4_Lampiran 5.4.1.pdf](#)
5. [K0060_S01_SB04_SC01_20245_Lampiran B5 Kriteria 5.4.1.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Unit Pengurusan Risiko Negeri (UPRN) UiTM CPP merupakan unit yang dipertanggungjawabkan membantu pihak pengurusan mewujudkan satu proses pengurusan risiko yang berhemat, efisien, efektif dan mampan.

Pelaksanaan pengurusan sumber manusia dilakukan berpandukan kepada konsep pemerksaan bakat berdasarkan kepakaran dan kemahiran staf. Bagi mengatasi **risiko kekurangan staf berkemahiran, pelbagai inisiatif dan tindakan pencegahan** dijalankan bagi memperluaskan bidang kepakaran staf dan kemahiran, antaranya adalah **menyediakan latihan kepakaran, pembentangan kertas kerja di peringkat nasional dan antarabangsa, penubuhan SIG dan sokongan dalam menjalankan aktiviti atau program seperti seminar dan webinar berkaitan penulisan atau penyelidikan** (B1_Lampiran 5.4.2), (B2_Lampiran 5.4.2).

Pengurusan Kanan UiTM CPP sentiasa memastikan urusan pembangunan staf seperti melanjutkan pengajian di peringkat tertinggi, mengikuti latihan industri/profesional dan pembentangan kertas kerja di peringkat nasional dan antarabangsa dapat direalisasikan. Selaras dengan itu, pengurusan sumber manusia mempunyai peranan dalam memastikan proses yang tangkas dan memperuntukan dana yang bersesuaian dalam menyejajarkan kelulusan permohonan pembiayaan latihan/geran/menghadiri/ membentangkan konferens. Pengurusan Kanan UiTM CPP juga menggalakkan para pensyarah untuk memohon **geran kerjasama dengan pihak industri dan juga universiti luar** sebagai alternatif untuk memastikan PI yang ditetapkan tercapai dan tidak bergantung harap kepada sumber dalaman sahaja (B3_Lampiran 5.4.2).

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UiTM Negeri (JKKPN) mempunyai peranan besar dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga UiTM CPP dalam keadaan yang baik dan selamat. **Tekanan di tempat kerja** yang berlebihan adalah situasi yang sukar dielakkan oleh setiap warga UiTM CPP. Ketidakupayaan pekerja untuk mengendalikan tekanan kerja akan mengurangkan keupayaan mereka untuk mengekalkan tahap kesihatan yang maksima semasa menjalankan tugas. Tekanan ini akan menjadi bertambah teruk sekiranya tiada sokongan dari ketua atau rakan sejawat dan tiada kawalan awal terhadap punca tekanan. Antara **tindakan pencegahan** yang diambil oleh UiTM CPP untuk **mengatasi masalah** ini adalah dengan cara menganjurkan aktiviti seperti **beriadah, senamrobik dan teambuilding** (B4_Lampiran 5.4.2).

Pengurusan Kanan UiTM CPP juga menganjurkan seminar kesihatan, **Dare to be Fit dan Jom Sihat** (B5_Lampiran 5.4.2.1) untuk meningkatkan pengetahuan tentang kesihatan mental dan juga menyediakan saluran bantuan untuk diberikan secara individu atau berkumpulan. Penghargaan **Majlis Anugerah Kecemerlangan** oleh pengurusan UiTM CPP dapat memberi galakan dan penghargaan staf yang cemerlang seterusnya dapat meningkatkan rasa harga diri serta semangat bekerja di samping meningkatkan indeks kegembiraan warga (B5_Lampiran 5.4.2.2).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_S01_SB04_SC02_20241_Lampiran B1 Kriteria 5.4.2.pdf](#)
2. [K0060_S01_SB04_SC02_20242_Lampiran B2 Kriteria 5.4.2.pdf](#)
3. [K0060_S01_SB04_SC02_20243_Lampiran B3 Kriteria 5.4.2.pdf](#)
4. [K0060_S01_SB04_SC02_20244_Lampiran B4 Kriteria 5.4.2.pdf](#)
5. [K0060_S01_SB04_SC02_20245_Lampiran B5 Kriteria 5.4.2.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan UiTM CPP sentiasa berusaha untuk memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif untuk memastikan warga UiTM CPP sentiasa produktif demi mencapai objektif universiti. Tindakan penganalisaan telah dikongsi kepada semua warga bagi memastikan objektif tercapai terutamanya dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan, tindakan di ambil melalui:

i. Kemudahan Infrastruktur

Kemudahan infrastruktur yang baik di UiTM CPP dapat membantu warga UiTM CPP untuk menjalankan pelbagai aktiviti melibatkan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dengan lebih efektif. **Tempat yang kondusif** dapat membantu warga UiTM CPP untuk mengadakan pelbagai bengkel, persidangan dan perbincangan dengan lebih selesa (B1_Lampiran 5.4.3.1).

Selain dari itu UiTM CPP juga dilengkapi dengan pelbagai makmal untuk aktiviti penyelidikan (B2_Lampiran 5.4.3.1). Pelbagai ruangan yang kondusif dan selesa juga disediakan di UiTM CPP untuk kegunaan warga UiTM CPP untuk bertemu dan berbincang tentang aktiviti di UiTM CPP seperti **ruang 16 jam di PTAR, Café He & She dan Coffee House di Hotel UiTM CPP**. Selain dari itu UiTM CPP juga mempunyai **kemudahan penginapan** untuk warga UiTM CPP dan tetamu luar seperti jemputan dari industri, auditor dan juga MoU dan MoA. (Lampiran B3_Lampiran 5.4.3.1).

ii. Perkongsian Ilmu dari Pakar

Pelbagai usaha dilakukan oleh pengurusan UiTM CPP dalam membantu warga UiTM CPP untuk mendapatkan lebih banyak geran dan memberi suntikan motivasi ke arah kecemerlangan menerusi aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Antara usaha tersebut dapat dilihat melalui **sesi perkongsian ilmu dari pakar** rujuk untuk membantu warga UiTM CPP akademik dalam membuat perancangan dan penulisan yang efektif untuk kertas cadangan geran dan penulisan artikel berimpak tinggi (B4_Lampiran 5.4.3.1).

iii. Aktiviti Riadah

Peningkatan produktiviti tidak dapat di capai tanpa warga yang sihat secara mental dan fizikal. Semua warga amat di galakkan untuk menyertai program supaya dapat mengurangkan tekanan di tempat kerja. Program seperti ini juga amat penting kerana ianya dapat **mewujudkan semangat kerja berpasukan dan peningkatan pada indeks kegembiraan dalam kalangan warga UiTM CPP**. Untuk mencapai matlamat tersebut UiTM CPP sentiasa mengadakan aktiviti riadah seperti **senamrobik, Alumni Fun Run dan Sukan antara Staf Penang (SASPEN)** (B5_Lampiran 5.4.3.1). Selain dari itu aktiviti riadah tahunan seperti **Majlis Sambutan Hari Raya** turut diadakan untuk meraikan semua warga agar dapat mengeratkan lagi silaturahmi di kalangan keluarga besar UiTM CPP (B5_Lampiran 5.4.3.2).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_S01_SB04_SC03_20241_B1_Lampiran 5.4.3.1.pdf](#)
2. [K0060_S01_SB04_SC03_20242_B2_Lampiran 5.4.3.1.pdf](#)
3. [K0060_S01_SB04_SC03_20243_B3_Lampiran 5.4.3.1.pdf](#)
4. [K0060_S01_SB04_SC03_20244_B4_Lampiran 5.4.3.1.pdf](#)
5. [K0060_S01_SB04_SC03_20245_B5_Lampiran 5.4.3.1.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Sumber Manusia UiTM CPP telah melaksanakan penambahbaikan strategik untuk menggalakkan peranan sumber manusia dalam pembudayaan penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan. Langkah-langkah ini telah membuahkan hasil yang signifikan, termasuk pencapaian Petunjuk Prestasi Indikator (PI) yang telah ditetapkan.

Hasil inovasi yang dihasilkan melalui inisiatif ini telah memberikan sumbangan yang penting dalam meningkatkan pengurusan UiTM CPP. Inovasi tersebut bukan sahaja memperbaiki gerak kerja dalam organisasi, tetapi juga telah diperluaskan dan diterima pakai oleh agensi luar. Dengan pendekatan ini, UiTM CPP telah berjaya mencapai prestasi yang lebih efektif dan efisien serta hasil kerja yang telah dicapai kini boleh dijadikan rujukan untuk digunakan oleh **pihak luar** melalui manfaat bersama.

Projek i-Mistroom merupakan telah memperoleh beberapa kejayaan yang membanggakan. Antaranya memperolehi **Geran MyIS–Program Inisiatif Inovasi Sosial berjumlah RM171,000.00** (B1_Lampiran 5.5.1). Selain itu, memenangi Anugerah **Diamond** bagi pertandingan inovasi di The 12th International Innovation, Invention & Design Competition 2023 dan **Emas** bagi Virtual Innovation Show 2023, PIID 2023 dan **Emas** di The 12th International Innovation, Invention & Design Competition 2023 (B2_Lampiran 5.5.1).

Projek ini juga memperoleh **penarafan 3 bintang** bagi projek komuniti di bawah projek Projek Pembangunan Ekonomi MACMA Cawangan Kelantan Menggunakan Inovasi dan Teknologi Cendawan (Sesi 2022-2024) (B3_Lampiran 5.5.1).

Projek EMZI Nanocore Lab dengan lebih mendalam dalam percapaian merangkul **Geran Industri** yang berjaya memperoleh geran bernilai RM204,000.00 dari industri. Ini menunjukkan bahawa projek mereka mendapat sokongan kewangan yang signifikan daripada pihak industri. Geran ini mungkin digunakan untuk pelbagai tujuan, seperti penyelidikan dan pembangunan, pengembangan produk, atau perolehan teknologi. Jumlah geran yang besar ini mencerminkan keyakinan dan kepercayaan industri terhadap potensi dan keberkesanan projek mereka. (B4_Lampiran 5.5.1). Selain itu, memenangi **Pingat Emas di ACE 2023** dalam pertandingan Arau International Creativity Exhibition (ACE) 2023, projek ini memenangi pingat Emas untuk produk mereka yang dikenali sebagai Olivetin. ACE adalah sebuah acara yang menilai dan mempamerkan inovasi dan kreativiti dalam pelbagai bidang. Memenangi pingat Emas menunjukkan bahawa produk Olivetin tidak hanya diiktiraf dalam kalangan pengkritik dan pakar, tetapi juga dianggap sebagai produk yang unggul dalam segi kualiti dan inovasi. (B5_Lampiran 5.5.1).

Kejayaan ini menandakan bahawa Projek EMZI Nanocore Lab bukan sahaja berjaya mendapatkan sokongan kewangan yang besar tetapi juga mendapat pengiktirafan tinggi dalam bidang inovasi dan teknologi. Kedua-dua pencapaian ini memperkukuh kedudukan mereka dalam industri dan komuniti penyelidikan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_S01_SB05_20241_Lampiran B1+1 Kriteria 5.5.1.pdf](#)
2. [K0060_S01_SB05_20242_Lampiran B2 Kriteria 5.5.1.pdf](#)
3. [K0060_S01_SB05_20243_Lampiran B3 Kriteria 5.5.1.pdf](#)
4. [K0060_S01_SB05_20244_Lampiran B4 Kriteria 5.5.1.pdf](#)
5. [K0060_S01_SB05_20245_Lampiran B5 Kriteria 5.5.1.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kecemerlangan dalam mencapai sasaran bidang tumpuan adalah bukti pengoperasian yang sistematik dan efektif. Pihak pengurusan kanan UiTM CPP memberi penekanan lebih agresif untuk memperluas jaringan kerjasama di peringkat global selari dengan **Pelan Strategik UiTM 2025, bertemakan "Menyerlah Potensi Membentuk Masa Hadapan"**. Pengoperasian organisasi ini merujuk kepada penetapan sasaran bidang tumpuan dalam **Pelan Tindakan Strategik 2023 (SAP 2023)** melibatkan kerjasama pengurusan kanan, bahagian, unit, fakulti, jabatan, pengajian dan seluruh warga UiTM CPP sekaligus menyumbang kepada pencapaian Skor i-UiTM. Pengoperasian adalah bermula dengan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang tumpuan.

Perancangan

Perancangan pengoperasian UiTM CPP yang sistematik dirangka melalui **Model Inisiatif Strategik Penyelidikan UiTM CPP**. Model ini mengambil kira 4 elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan UiTM CPP iaitu **1) proses pengoperasian strategik penyelidikan & penerbitan;**

2) proses pembangunan kepakaran staf; 3) proses pengurusan & kerjasama dengan agensi luar; 4) proses pengurusan pengkomersialan. Model komprehensif dan holistik ini dirangka bagi memacu kecemerlangan universiti dalam semua aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Bagi membudayakan gerak kerja penyelidikan yang efisien, pihak pengurusan kanan UiTM CPP membuat perancangan sistematik bagi memastikan para penyelidik mematuhi **garis panduan dan carta alir proses kerja** yang ditetapkan. Antara inisiatif yang disediakan dalam penerbitan melalui pekeliling kelulusan pembiayaan pembentangan kertas kerja dalam negara dan negara ASEAN, Pembiayaan Yuran Penerbitan Artikel (PYPA) dan Pembiayaan Yuran Prosiding Berindeks (PYPB).

Pelaksanaan

Dalam melaksanakan perancangan pengoperasian, pelbagai platform seperti Media Rasmi UiTM CPP di Facebook, YouTube, ZOOM, Email Rasmi Warga UiTM disediakan bagi **menyebarluaskan SAP 2023 kepada seluruh warga** untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Sinergi pengurusan kanan bersama warga melalui inovasi **Mentor-mentee, Enforcement, Reward/Incentive** dan **Interactive Research Profile** berjaya meningkatkan dan memantapkan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan sehingga ke peringkat antarabangsa. **Penyebarluasan perancangan operasi melalui aktiviti seminar, bengkel dan 'roadshow'** bagi memotivasi dan melatih warga UiTM CPP dalam penyelidikan dan penghasilan produk pengkomersialan turut dijalankan.

Pemantauan

Mekanisme **pemantauan yang strategik dan berstruktur** seperti pelaporan PI secara berfasa, mesyuarat berkala serta audit dalam dan luar membantu kecekapan pengoperasian organisasi UiTM CPP. Maklumbalas pelanggan di semua peringkat diambil kira bagi memastikan pengurusan risiko dan penambahbaikan dapat dilakukan secara efektif. Pemantauan melalui **Dasar Pengkomersialan Harta Intelek 2021** bagi memastikan aktiviti pengkomersialan dapat dilaksanakan dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Tindakan Penambahbaikan

Hasil penganalisan pemantauan terhadap pengoperasian melalui dapatan **Audit Dalam UiTM CPP dan Laporan Berkala PSTU** bagi membantu peningkatan kecemerlangan dalam bidang tumpuan. Penambahbaikan kemudahan peralatan dan instrumen makmal membantu meningkatkan penghasilan inovasi dan produk pengkomersialan melalui jalinan usahasama dengan Syarikat EMZI Sdn.Bhd. bagi menubuhkan Makmal Penyelidikan Industri EMZI Nano Core di UiTM CPP. **Keberhasilan tindakan penambahbaikan** yang dibuat telah memberi

impak kepada pelanggan dalaman dan luaran sekaligus meningkatkan kecemerlangan warga UiTM CPP dalam bidang tumpuan.

Kesimpulannya, penglibatan semua pihak secara menyeluruh dalam aktiviti pengoperasian organisasi membuktikan **pemerkasaan bidang tumpuan yang berterusan dan pengurusan yang mampan berteraskan nilai ESI dan i-DART yang diamalkan seluruh warga UiTM CPP.**

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Proses – proses utama yang memacu kecemerlangan di dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dirangkumkan di dalam **Model Inisiatif Strategik Penyelidikan UiTM CPP** (B1_Lampiran 6.2.1). Proses tersebut adalah;

1. Proses Pengoperasian Strategik Penyelidikan & Penerbitan
2. Proses Pembangunan Kepakaran Staf
3. Proses Pengurusan & Kerjasama dengan Agensi Luar
4. Proses Pengurusan Pengkomersialan

Model ini adalah seiring dengan matlamat strategik UiTM iaitu GRU2025 di mana

kaedah pengukuran akademik universiti bertaraf global yang melibatkan **tiga aspek** iaitu **penerbitan, kolaborasi dan geran penyelidikan** (B1_Lampiran 6.2.2).

Bahagian **PJM&A UiTM CPP** bertanggungjawab memastikan setiap sasaran dalam bidang tumpuan dapat dicapai dengan cemerlang. **Unit Pengurusan Penyelidikan(RMU)** ditugaskan untuk menguruskan hal ehwal penyelidikan, penerbitan, inovasi, perundingan dan pengkomersialan (B2_Lampiran 6.2.3).

Bagi pemetaan strategik UiTM CPP 2023, RMU telah dipertanggungjawabkan untuk mencapai 8 PI bagi penerbitan dan 6 PI bagi penyelidikan. **Kesemua PI ini telah tercapai dan menyumbang kepada 93% kecemerlangan universiti serta mendapat skor i-UiTM 6 star.** Ini merupakan hasil daripada inisiatif dan tindakan yang direncanakan dengan teliti oleh pihak pengurusan kanan universiti dan disokong oleh seluruh warga UiTM CPP.

Pihak pengurusan kanan UiTM CPP telah menyediakan **perancangan sistematik** dengan mengambilkira **inovasi dan perkongsian pengetahuan** melalui **Pelan Strategik Universiti SAP2023** yang melibatkan **empat fasa utama** iaitu; **fasa perancangan, fasa pelaksanaan, fasa pemantauan dan fasa pelaporan** (B2_Lampiran 6.2.4). Takwim ini menunjukkan **tindakan pengoperasian secara strategik dan sistematik** oleh pihak pengurusan kanan UiTM CPP terhadap pencapaian PI dalam bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

Bagi memastikan pengoperasian ini mengikut trek empat fasa yang ditetapkan, pihak pengurusan kanan UiTM CPP telah mempertingkatkan usaha melalui **proses merangka strategi dan mengambil tindakan untuk mencapai PI secara lebih**

berfokus, seterusnya mengenal pasti cabaran dan isu yang terlibat dalam proses mencapai PI bidang tumpuan (B2_Lampiran 6.2.5).

Pembangunan penyelidikan bertaraf global dalam universiti dapat menghasilkan penerbitan artikel yang berkualiti dan pengkomersialan yang berimpak tinggi. Seajar dengan hal itu, **pengoperasian Geran Penyelidikan UiTM CPP dilaksanakan** berdasarkan **Garis Panduan Tadbir Urus Dana Penyelidikan** yang melibatkan 5 perkara utama berkaitan penyelidikan (B3_Lampiran 6.2.6).

Bagi membudayakan gerak kerja penyelidikan yang efisien, pihak pengurusan kanan UiTM CPP **membuat perancangan sistematik** bagi memastikan para penyelidik mematuhi **Garis Panduan Pemantauan Geran Penyelidikan Pindaan 2018** yang terdapat padanya **Carta Alir Proses Kerja Penghantaran Laporan Kemajuan Projek Penyelidikan** (B3_Lampiran 6.2.7)

UiTM CPP juga sentiasa komited dalam memberi galakan **penghasilan artikel jurnal dan prosiding** dengan menyediakan tiga insentif bagi merencanakan penerbitan staf akademik iaitu melalui **pekeling kelulusan pembiayaan pembentangan kertas kerja dalam negara dan negara ASEAN** (B4_Lampiran 6.2.8) , **PYPA** (B4_Lampiran 6.2.9) dan **PYPB** (B4_Lampiran

b.z. 10).

Pembangunan kepakaran staf UiTM CPP dalam bidang penyelidikan dan penerbitan diperkasakan lagi dengan penambahbaikan aktiviti pengurusan dan kerjasama dengan agensi

luar melalui MoU/MoA. **Carta alir proses semakan MoU/MoA UiTM CPP** memberi kemudahan urusan pada warga (B5_Lampiran_6.2.11). UiTM CPP mensasarkan industri yang berhubung kait dengan kepakaran staf bagi **mengambil kira perkongsian pengetahuan** dalam aktiviti penyelidikan sekaligus dapat memastikan MoU/MoA dapat memberi impak positif kepada UiTM CPP.

Dasar Pengkomersialan Harta Intelekt UiTM Edisi 2021 telah diguna pakai bagi menyediakan garis panduan, memberi perlindungan dan pengiktirafan serta ganjaran kepada penyelidik agar teknologi baru yang diketengahkan dapat memberi faedah kepada kedua-dua pihak iaitu negara dan penyelidik (B5_Lampiran 6.2.12).

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_O01_OB02_20241_B1_Lampiran 6.2.1_6.2.2_AKNC 2024.pdf](#)
2. [K0060_O01_OB02_20242_B2_Lampiran 6.2.3_6.2.4_6.2.5_AKNC 2024.pdf](#)
3. [K0060_O01_OB02_20243_B3_Lampiran 6.2.6_6.2.7_AKNC 2024.pdf](#)
4. [K0060_O01_OB02_20244_B4_Lampiran 6.2.8_6.2.9_6.2.10_AKNC 2024.pdf](#)
5. [K0060_O01_OB02_20245_B5_Lampiran 6.2.11_6.2.12_AKNC 2024.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi menjelaskan proses **hebahan dan perluasan pengoperasian**, laporan bahagian ini menggunakan modul PDCA (Pelan, Do, Check and Action). Umumnya **perluasan pengoperasian** ini melibatkan peringkat **UiTM CPP, nasional dan antarabangsa**.

PERANCANGAN (PLAN)

Pihak PJIM&A UiTM CPP telah **menyedia, membuat hebahan dan mengedar maklumat mengenai kursus dan latihan berkaitan penyelidikan dan penerbitan**. Kesemua unit bertanggungjawab dalam merangka dan melaksanakan pelan perancangan strategik dan pelan tindakan.

UiTM CPP telah mewujudkan **prosedur cadangan dan membuat keputusan pengkomersialan yang cekap dan berkesan**. Ini melibatkan galakan kepada staf, pelajar dan rakan sekutu UiTM CPP dalam **menghasilkan harta intelek yang berpotensi untuk dikomersialkan, mengawalselia penglibatan staf dalam aktiviti pengkomersialan dan penubuhan syarikat pemula/terbitan Universiti**.

PERLAKSANAAN (DO)

Pelbagai platform disediakan bagi **menyebarkan lagi penyertaan serta meningkatkan lagi penganjuran program berkaitan bidang tumpuan** seperti siaran langsung di Media Rasmi UiTM CPP di Facebook, YouTube, ZOOM, Email Rasmi Warga UiTM (B1_Lampiran 6.3.1).

Unit Penerbitan PJIM&A juga mengambil **inisiatif** bagi meningkatkan jumlah penerbitan warga UiTM CPP melalui **strategi yang mantap dan padu dalam meningkatkan**

bilangan penerbitan dan menyebarkan luas maklumat bidang tumpuan seperti inovasi *Mentor-mentee, Enforcement, Reward/Incentive* dan *Interactive Research*

Profile (B1_Lampiran 6.3.2) sehingga berjaya mencapai sasaran dalam bidang tumpuan. Ini sekaligus **meningkatkan ketampakan UiTM CPP di peringkat UiTM serta antarabangsa**. Contoh langkah penyebaran ini melalui Visiting Scholar, Collaboration, Interactive Research Profile dan Announcement on The Achievement.

PEMANTAUAN (CHECK)

RMU perlu **menjalankan aktiviti, memantau prestasi, penyebaran serta membuat pelaporan kepada USTU pada setiap hujung bulan**. Pelaporan penuh pencapaian PI akan **dibentangkan pada setiap 3 bulan atau sukuan tahunan** (B2_Lampiran 6.3.3).

Pemantauan ke atas **aktiviti pengkomersialan** adalah dengan pelaksanaan dan pematuhan **dasar pengkomersialan universiti** (Rujuk B5_Lampiran 6.2.12) antaranya seperti memantau kemajuan pembangunan produk yang dikomersialkan. Pelaporan setiap kemajuan penajaan hasil daripada pengkomersialan penting bagi memastikan kedua belah pihak mendapat hasil positif daripada kerjasama yang telah dimeterai.

TINDAKAN (ACTION)

UiTM CPP telah membuat **hebahan mengenai pencapaian PI** dan maklum balas kepuasan pelanggan melalui **webinar untuk seluruh warga universiti**. Tindakan ini merupakan langkah strategik kerana pihak pengurusan UiTM CPP dapat **menyalurkan maklumat serta peranan yang perlu dimainkan oleh setiap staf** dalam usaha meningkatkan pencapaian PI dalam bidang tumpuan (B2_Lampiran 6.3.4).

Saluran insentif pembayaran yuran penerbitan diberikan kepada warga berstatus akar yang tidak mempunyai geran penyelidikan disediakan bagi membantu meningkatkan tahap keserjanaan iaitu **insentif pengurusan kampus UiTM CPP, PYPA dan PYPB** (B3_Lampiran 6.3.5). Pemberian insentif tersebut tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan.

Potensi hasil pengkomersialan produk adalah impak dari MoU/MoA yang boleh dikenalpasti dan dikembangkan dengan **menyebarkan luas informasi melalui aktiviti seminar, bengkel dan 'roadshow'** yang berjaya memotivasi dan melatih warga UiTM CPP dalam penyelidikan dan penghasilan produk pengkomersialan (B4_Lampiran 6.3.6). Hasil kejayaan pengkomersialan dari kampus UiTM CPP bagi tahun 2023 melibatkan 2 syarikat pemula iaitu Hanako Enterprise dan WECWI Integrated Solutions (B5_Lampiran 6.3.7).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_O01_OB03_20241_B1_Lampiran 6.3.1_6.3.2_AKNC 2024.pdf](#)
2. [K0060_O01_OB03_20242_B2_Lampiran 6.3.3_6.3.4_AKNC 2024.pdf](#)
3. [K0060_O01_OB03_20243_B3_Lampiran 6.3.5_AKNC 2024.pdf](#)
4. [K0060_O01_OB03_20244_B4_Lampiran 6.3.6_AKNC 2024.pdf](#)
5. [K0060_O01_OB03_20245_B5_Lampiran 6.3.7_AKNC 2024.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi mencapai **pelaksanaan objektif** dan **inisiatif strategik**, pemantauan secara berkala dilakukan terutamanya dalam penyelidikan dan penerbitan yang memberi impak kepada sasaran strategik kampus sekaligus menyumbang kepada pencapaian Skor i-UiTM.

Penyelidikan:

RMU memantau kemajuan penyelidikan yang menggunakan geran penyelidikan melalui sistem IRMIs (B1_Lampiran 6.4.1.1). Kemajuan penyelidikan setiap projek dipantau oleh RMU dan RMC yang melibatkan implikasi kewangan mengikut vot dalam menjalankan kerja-kerja penyelidikan (B1_Lampiran 6.4.1.2).

Pembentangan hasil penyelidikan yang menggunakan peruntukan kewangan daripada Pengurusan Sumber Manusia (PSM), perlu mengikut carta alir proses permohonan ankelulusan panel PSM. **Pelaporan** dilakukan oleh pemohon setelah selesai pembentangan (B2_Lampiran 6.4.1.3). Hasil pembentangan tersebut perlu **dikongsi kepada warga UiTM CPP** melalui platform media sosial (B2_Lampiran 6.4.1.4).

Penerbitan:

Bilangan **hasil penerbitan dikumpul oleh AJK Penerbitan** dari fakulti/pengajian/jabatan dan dilaporkan kepada unit penerbitan UiTM CPP bagi proses pemantauan objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan. **Pelaporan dan pengemaskinian data** dilakukan mengikut fasa **melalui sistem PRIME dan pengkalan data SCOPUS/WoS kampus**. Seterusnya,

data **divalidasi oleh Koordinator PRIME UiTM CPP** (B3_Lampiran 6.4.1.5). Bagi jurnal akademik terbitan UiTM CPP iaitu ESTEEM Academic Journal (EAJ) dan ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities (EJSSH), unit penerbitan bertindak **memastikan hasil penerbitan berkualiti** sehingga dapat diindeks di dalam MyCite melalui Pusat Sitasi dan Infometrik (B3_Lampiran 6.4.1.6 dan B3_Lampiran 6.4.1.7).

Manakala UTSU UiTM CPP pula **mengemaskini dan memantau data pelaporan** pencapaian PI dan Laporan Strategi Tindakan & Pemantauan perlu dibentangkan kepada BT (B4_Lampiran 6.4.1.8). Melalui kecekapan pengoperasian dalam bidang tumpuan dan kaji semula pengurusan, UiTM CPP telah mencapai beberapa **kejayaan di Majlis Sanjung Sarjana UiTM 2023** seperti :

Penyelidikan (B4_Lampiran 6.4.1.9)

Penerbitan (B5_Lampiran 6.4.1.10)

Pengkomersialan (B5_Lampiran 6.4.1.11)

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_O01_OB04_OC01_20241_B1_Lampiran 6.4.1.1 dan 6.4.1.2 Pemantauan.pdf](#)
2. [K0060_O01_OB04_OC01_20242_B2_Lampiran 6.4.1.3 dan 6.4.1.4 Pemantauan.pdf](#)
3. [K0060_O01_OB04_OC01_20243_B3_Lampiran 6.4.1.5.6.4.1.6 & 6.4.1.7 Pemantauan.pdf](#)

4. [K0060_O01_OB04_OC01_20245_B5_Lampiran 6.4.1.10 dan 6.4.1.11 Pemantauan.pdf](#)
5. [K0060_O01_OB04_OC01_20245_B5_Lampiran 6.4.1.10 dan 6.4.1.11 Pemantauan.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Unit Pengurusan Risiko Negeri (UPRN) UiTM CPP adalah unit yang dipertanggungjawab bagi penetapan strategi untuk mencapai objektif dengan mengambil kira risiko-risiko yang menghalang pencapaian strategi. Berdasarkan Panduan Pengurusan Risiko UiTM, **kekurangan bilangan pensyarah berkelayakan PhD, perolehan geran penyelidikan antarabangsa dan ketampakan antarabangsa** dikenalpasti antara **risiko utama yang dihadapi UiTM** dalam bidang tumpuan melalui Analisis SWOT UiTM (B1_Lampiran 6.4.2.1).

Ke arah **pengurusan risiko utama yang cekap**, UiTM CPP telah **merancang tindakan pencegahan** dengan mengaktifkan pengoperasian daftar risiko yang dinamakan sistem e-RMS (B2_Lampiran 6.4.2.2). (B2_Lampiran 6.4.2.3) menunjukkan carta alir pengurusan risiko dalam sistem e_RMS manakala (B3_Lampiran 6.4.2.4) menunjukkan minit mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Risiko UiTM CPP Bil 1/2022 di mana mesyuarat telah bersetuju memuat naik daftar risiko semua faktor yang telah dikenal pasti ke sistem e-RMS.

Antara risiko yang telah didaftarkan dalam sistem e-RMS adalah berkaitan dengan warga UiTM yang masih belum menamatkan pengajian PhD serta warga yang menjalani latihan professional masih belum membuat permohonan *Professional Engineer (PE)* menjejaskan pencapaian PI kamus sekaligus menjejaskan proses akreditasi sesuatu program (B4_Lampiran 6.4.2.5).

Bagi bidang tumpuan penyelidikan pengoperasian daftar risiko juga dibuat dengan mengambil kira risiko kekurangan perolehan geran penyelidikan bagi mencapai PI atas faktor kekurangan masa, pengalaman dan kepakaran dalam penulisan proposal penyelidikan.

Manakala bagi penerbitan pula, risiko yang dihadapi adalah kekurangan bilangan hasil penerbitan jurnal berindeks (B4_Lampiran 6.4.2.6).

Unit Penerbitan PJIM&A telah **merancang tindakan pencegahan dengan menganjurkan siri webinar, bengkel penulisan proposal geran dan sesi perkongsian dalam membantu menangani punca risiko bidang tumpuan**. Penganjuran Bengkel "Article Writing And Publication Boot Camp 2023" dirancang dan dilaksanakan bertujuan **membimbing warga UiTM CPP di dalam meningkatkan penghasilan dan penerbitan berimpak**

tinggi (B5_Lampiran 6.4.2.7).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_O01_OB04_OC02_20241_B1_Lampiran 6.4.2.1 Kenal Pasti Risiko.pdf](#)
2. [K0060_O01_OB04_OC02_20242_B2_Lampiran 6.4.2.2 dan 6.4.2.3 Kenal Pasti risiko.pdf](#)
3. [K0060_O01_OB04_OC02_20243_B3_Lampiran 6.4.2.4 Kenal Pasti Risiko.pdf](#)
4. [K0060_O01_OB04_OC02_20244_B4_Lampiran 6.4.2.5 dan 6.4.2.6 Kenal Pasti Risiko.pdf](#)
5. [K0060_O01_OB04_OC02_20245_B5_Lampiran 6.4.2.7 Kenal Pasti Risiko.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

6.4.1 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisan pemantauan terhadap pengoperasian bidang tumpuan telah dilaksanakan dengan beberapa tindakan penambahbaikan melalui hasil penemuan **audit dalaman UiTM CPP** (B1_Lampiran 6.4.1) dan **laporan berkala** yang dibentangkan oleh

Penyelaras Strategik dan Transformasi UiTM CPP (**PSTU**) (**B1_Lampiran 6.4.3.2**). Pemantauan risiko secara berterusan dengan menganalisa segala data dan maklumat daripada tindakan penambahbaikan dijalankan mengenalpasti risiko yang memberi kesan kepada kegagalan pencapaian PI. Hasil penganalisan kemudian disusuli dengan tindakan

pembetulan yang efisien dan efektif dan **dikongsi kepada seluruh warga** untuk peningkatan kecemerlangan dalam bidang tumpuan.

Antara kaji semula dan penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti bidang tumpuan, UiTM CPP telah **mewujudkan sistem UiTMPPMS** yang mendapatkan maklumbalas pelanggan dalaman berkaitan penganjuran webinar, bengkel, seminar dan konferensi (B2_Lampiran 6.4.3.3).

Penambahbaikan kemudahan peralatan dan instrumen makmal untuk kajian penyelidikan telah berjaya menjalin usahasama dengan Syarikat industri iaitu EMZI Sdn. Bhd menubuhkan makmal penyelidikan industri EMZI Nano Core di UiTM CPP. Dengan kelengkapan makmal yang canggih telah membantu meningkatkan penghasilan inovasi dan produk komersial (B3_Lampiran 6.4.3.4). Penggunaan makmal turut **dikongsikan bersama pelajar sehingga ke peringkat pascasiswazah bagi melaksanakan kerja penyelidikan** sekaligus meningkatkan penerbitan dan keserasuan UiTM CPP.

Kekurangan perolehan geran penyelidikan menjadi risiko utama warga UiTM CPP untuk mencapai sasaran tumpuan. Tindakan hasil penganalisan dibuat dengan **menganjurkan perkongsian pengetahuan dan tips permohonan geran secara berterusan** oleh PJIM&A hingga berjaya memperoleh geran penyelidikan (B4_Lampiran 6.4.3.5).

Selain itu, **inisiatif strategik** lain dibuat bagi meningkatkan perolehan geran adalah dengan **mengenalpasti** yang tidak mempunyai geran dengan **mewajibkan warga** untuk membuat permohonan geran seterusnya akan **dipantau dan dinilai** terlebih dahulu di peringkat RMU, kemudian membuat penambahbaikan seterusnya hantar ke RMC. (B5_Lampiran 6.4.3.6)

Tindakan penganalisan disebarkan kepada seluruh warga UiTM CPP dengan kerjasama Pengurusan Kanan melalui Amanat Rektor, Santai bersama Rektor, Taklimat PSTU, hebahan melalui emel warga bagi memberi maklumat yang tepat selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_O01_OB04_OC03_20241_B1_Lampiran 6.4.3.1 dan 6.4.3.2 Mengkaji Semula & Tindakan Penambahbaikan.pdf](#)
2. [K0060_O01_OB04_OC03_20242_B2_Lampiran 6.4.3.3 Mengkaji Semula & Tindakan Penambahbaikan](#)
3. [K0060_O01_OB04_OC03_20243_B3_Lampiran 6.4.3.4 Mengkaji Semula & Tindakan Penambahbaikan](#)
4. [K0060_O01_OB04_OC03_20244_B4_Lampiran 6.4.3.5 Mengkaji Semula & Tindakan Penambahbaikan](#)
5. [K0060_O01_OB04_OC03_20245_B5_Lampiran 6.4.3.6 Mengkaji Semula & Tindakan Penambahbaikan](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan aktiviti penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan ini telah dimantapkan untuk mencapai PI universiti dan meningkatkan prestasi warga setanding dengan universiti kebangsaan dan antarabangsa.

Keutamaan dan galakan berterusan kepada **aktiviti pemeteraian MoU/MoA dengan pihak industri/agensi luar di peringkat nasional dan antarabangsa** telah berjaya memupuk dan mencambahkan budaya penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di kalangan warga. Pembudayaan jalinan berteraskan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan membawa kepada:

Perluasan empayar UiTM CPP selaras dengan aspirasi UiTM menjadi universiti terkemuka di dunia.

Pembudayaan amalan perkongsian ilmu di kalangan warga UiTM CPP melalui perkongsian kepakaran hingga ke peringkat nasional dan antarabangsa dari segi bimbingan latihan, bengkel dan seminar.

Penambahbaikan hal ehwal pengkomersialan berkaitan penyelidik, prasarana dan hasilan universiti.

Manfaat penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan produk yang dihasilkan oleh warga UiTM CPP kepada **pelanggan dalaman dan pelanggan luaran** untuk **pembangunan industri** sekaligus **menjana pertumbuhan ekonomi**.

Perluasan empayar UiTM CPP menjadi universiti terkemuka dunia terbukti dengan kejayaan **pembudayaan kolaborasi penyelidikan melalui penghasilan kertas penyelidikan** hasil kolaborasi warga UiTM CPP dengan penyelidik antarabangsa seperti **Universitas Negeri Malang, Indonesia, Universitas Islam Sumatera Utara, Medan, Indonesia, LUT University, Mikkeli, Finland, Wenzhou University, China** (B1_Lampiran 6.5.1). Kemenjadian warga UiTM CPP juga terserlah melalui kejayaan yang dicapai dalam bidang **penyelidikan dan pengkomersialan sehingga diiktiraf di seluruh Kampus UiTM dengan penganugerahan bagi kategori Hasil Pengkomersialan Tertinggi Tahun 2022, Tokoh Pengkomersialan dan World's Top 2% Scientist, beberapa pensyarah menjadi professor dan pensyarah pelawat.**(B2_Lampiran 6.5.2).

Pembudayaan aktiviti perkongsian pengetahuan dan kepakaran di antara warga UiTM CPP bersama universiti tempatan dan antarabangsa diperkasakan melalui penganjuran **Empowering Excellence Throught Fulbright, May 2023, Expert Lecture Series On Artificial Intelligence, Oktober 2023, ML Algorithm for Machining Energy Optimization – Industry 4.0.** (B3_Lampiran 6.5.3).

Aktiviti pembentangan kertas kerja di peringkat nasional / antarabangsa telah berjaya mewujudkan **jalinan kerjasama antarabangsa bagi penyelidik** dalam bidang penyelidikan masing-masing (B4_Lampiran 6.5.4).

Perkongsian ilmu dan kepakaran dalam bidang penyelidikan melalui MoU/MoA yang dimeterai telah **memperluaskan rangkaian agensi nasional dan antarabangsa** sehingga menjadi **rakan strategik UiTM CPP** (B5_Lampiran 6.5.5) sekaligus membantu di dalam mencapai aspirasi Universiti menjadi universiti terkemuka di dunia (GRU2025).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_O01_OB05_20241_Lampiran B1 Kriteria 6.4.1.pdf](#)
2. [K0060_O01_OB05_20242_Lampiran 6.5.2 Kepakaran.pdf](#)

3. [K0060_O01_OB05_20244_K0060_O01_OB05_20234_K6_INTERGRASI_B4.pdf](#)

4. [K0060_O01_OB05_20244_K0060_O01_OB05_20234_K6_PENDEKATAN_B4.pdf](#)

5. [K0060_O01_OB05_20245_K0060_O01_OB05_20235_K6_INTERGRASI_B5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL PERANCANGAN STRATEGIK: KEMAMPANAN PERANCANGAN STRATEGIK UiTM CPP MEMACU KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN BERKUALITI

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan strategik merupakan penetapan strategi dan halatuju pengurusan bagi mencapai kecemerlangan UiTM CPP. UiTM CPP sentiasa memastikan halatuju strategi yang lestari dan seiring dengan Pelan Strategik UiTM 2025 bertemakan “Menyerlahkan Potensi, Membentuk Masa Hadapan”.

Hasil perancangan strategik bagi tahun 2023 menunjukkan pencapaian cemerlang bagi UiTM CPP dalam **empat tema utama** yang ditetapkan. Tema ini terdiri daripada :

1. Kecemerlangan UiTM CPP dalam perolehan geran penyelidikan
2. Ketampakkan UiTM CPP melalui penerbitan berindeks dan berimpak tinggi
3. Kecemerlangan UiTM CPP dalam skor i-UiTM
4. Kecekapan dan pemantauan pengurusan risiko bersistematik di UiTM CPP

Dalam **tema pertama**, UiTM CPP berjaya mencapai **kecemerlangan dalam perolehan geran penyelidikan**. Melalui inisiatif pembudayaan penyelidikan yang berterusan, seperti siri webinar dan bengkel, UiTM CPP telah berjaya mencatatkan jumlah perolehan geran penyelidikan sebanyak **63 projek bernilai RM2,044,896 bagi skim geran Fundamental**. Bagi geran Industri UiTM CPP berjaya memperolehi sebanyak **14 projek bernilai RM988,300 dan bagi skim geran Antarabangsa** sebanyak **20 projek bernilai RM80,000**. Perolehan ini mencakupi pembiayaan bertaraf antarabangsa dan nasional sehingga berjaya membuka peluang luas bagi warga UiTM CPP untuk menjadi pakar rujuk sekaligus meningkatkan jaringan antarabangsa dalam penyelidikan.

Tema kedua mencerminkan **ketampakkan UiTM CPP melalui penerbitan berindeks dan berimpak tinggi**. Budaya penyelidikan yang terus berkembang di kampus ini dapat dilihat melalui pelbagai inisiatif dan kolaborasi dengan industri, nasional dan antarabangsa. Hasilnya, bilangan **penerbitan dalam jurnal berindeks telah berjaya mendapat Campus Top Contributors 2023 dengan memperolehi 218% dalam penerbitan**. Ini telah menjadikan UiTM CPP berada di kedudukan yang tertinggi **0.49** antara kampus bagi nisbah penerbitan dengan bilangan staf di kampus UiTM CPP. Terbukti reputasi akademik dan hasil penerbitan telah diiktiraf sehingga ke peringkat antarabangsa sekaligus mendapat tempat dalam **Top 200 QS World University Ranking Asia 2023**.

Tema ketiga, iaitu **kecemerlangan UiTM CPP dalam Skor i-UiTM** telah berjaya dikekalkan pada **tahap 6 bintang selama 3 tahun berturut-turut**. Kejayaan ini adalah hasil daripada usaha berterusan dan komitmen yang tinggi oleh warga UiTM CPP dalam mencapai prestasi terbaik dan konsisten terutamanya dalam bidang tumpuan. Kecemerlangan UiTM CPP dalam Skor i-UiTM turut menyumbang kepada kenaikan *QS World University Ranking* bagi UiTM secara keseluruhan dan menjadikan kampus ini antara institusi pendidikan terbaik di peringkat negara.

Tema keempat menekankan **kecekapan dan pemantauan pengurusan risiko bersistematik di UiTM CPP**. Pengurusan risiko yang efektif telah membantu meningkatkan perolehan geran

dan penerbitan berindeks. **Pemantauan yang berterusan dan pelaporan yang sistematik** telah membantu mencapai sasaran strategik dengan baik sekaligus berjaya **menjana pendapatan universiti** dari sumbangan luar bagi program *University Social Responsibility (USR)* dan *Knowledge Transfer Programme (KTP)* sebanyak **RM136,558.00**. Kejayaan ini memberikan keyakinan kepada pihak industri sehingga ke peringkat antarabangsa untuk berkolaborasi dengan UiTM CPP dalam usaha meningkatkan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

Keseluruhannya, pencapaian UiTM CPP dalam perancangan strategik tahun 2023 menunjukkan komitmen yang kukuh dalam bidang penyelidikan, penerbitan berimpak tinggi, kecemerlangan Skor i-UiTM dan pengurusan risiko yang berkesan. Prestasi ini memberi impak positif kepada reputasi kampus di peringkat nasional dan antarabangsa di samping menunjukkan potensi untuk terus maju dalam industri pendidikan. UiTM CPP berusaha dengan terus proaktif untuk menjadi universiti yang lebih cemerlang dan terkemuka di peringkat global dalam bidang penyelidikan dan pendidikan tinggi seiring dengan **Pelan Strategik UiTM 2025**.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0060_HB02_20241_7.1.2 - BUKTI_HASIL_1_TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0060_HB03_20242_7.1.3 - BUKTI_HASIL_1_TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0060_HB04_20243_7.1.4 - BUKTI_HASIL_1_PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0060_HB05_20244_7.1.5 - BUKTI_HASIL_1_KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL TUMPUAN KEPADA PELANGGAN: PELANGGAN DISANTUNI MELONJAK KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN PENGKOMERSIALAN UiTM CPP

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasrat UiTM CPP mencapai kecemerlangan dan ketampakan global sejajar dengan usaha menjadikan UiTM sebagai '*Global Renowned University*' menjelang 2025 telah dicapai melalui **kecemerlangan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan** pada tahun **2023**. Hasil **tumpuan kepada pelanggan** meningkatkan ketampakan UiTM CPP melalui **empat tema utama** iaitu:

1. Peningkatan kolaborasi UiTM CPP melalui memorandum persefahaman/memorandum perjanjian (MoU/MoA) pada tahun 2023
2. Kecemerlangan aktiviti inovasi, dan pengkomersialan di UiTM CPP.
3. Keterlibatan UiTM CPP secara aktif dalam aktiviti komuniti & kemasyarakatan.
4. Keberkesanan pengurusan UiTM CPP dan impak kepada pelanggan.

Bagi **Tema 1 (peningkatan kolaborasi UiTM CPP melalui MoU/MoA pada tahun 2023)**, UiTM CPP telah melebarkan sayap sehingga ke persada dunia melalui **kolaborasi dengan universiti antarabangsa termasuk universiti yang berada dalam kelompok Top 300 QS World University Rankings by Subject**. Bilangan MoU/MoA terus mencatatkan tren positif dari tahun 2020 ke tahun 2023. Secara keseluruhannya, UiTM CPP juga telah berjaya mencatatkan pertambahan aktiviti kolaborasi antarabangsa pada tahun 2023 melalui MoU/MoA yang masih aktif. Kejayaan ini telah membuka peluang UiTM CPP untuk melaksanakan kerjasama dalam pelbagai bidang seperti penyelidikan, penganjuran persidangan, seminar antarabangsa dan mobiliti pelajar serta staf di dalam dan luar negara.

Tema 2 iaitu **kecemerlangan aktiviti inovasi dan pengkomersialan di UiTM CPP** dibuktikan melalui kegemilangan UiTM CPP yang bukan sahaja melahirkan **Tokoh Pengkomersialan UiTM** malah UiTM CPP turut dinobatkan sebagai **Fakulti/Kolej Pengajian/Cawangan Paling Cemerlang** bagi Kategori Hasil Pengkomersialan yang Tertinggi. Tren inovasi dan pengkomersialan UiTM CPP turut mencatatkan peningkatan positif dari tahun 2020 ke tahun 2023. **Hasil inovasi UiTM CPP** seperti **Micro-Farm@Penang, i-Mistroom, EMZI Nano Core dan IoT Based Data Logger System** telah mendapat **pengiktirafan pelbagai pihak** termasuk pihak industri sehingga **berjaya menubuhkan syarikat pemula**. Kejayaan ini telah memberi impak sehingga ke peringkat antarabangsa melalui perkongsian ilmu oleh pakar rujuk di kalangan warga UiTM CPP.

Tema 3 yang menunjukkan **keterlibatan UiTM CPP secara aktif dalam aktiviti komuniti & kemasyarakatan** dalam usaha memasyarakatkan universiti. Pencapaian kesemua PI melibatkan aktiviti komuniti termasuk **PI075 (USR), PI078 (USR & KTP) dan PI079 (Community involved in KTP)** yang telah melebihi sasaran sekaligus membolehkan UiTM CPP berjaya berada di **kedudukan pertama bagi PI079** berbanding 11 kampus cawangan yang lain. Impak kecemerlangan warga UiTM CPP dalam bidang tumpuan disebar luas melalui program USR dan KTP dengan **perkongsian ilmu, inovasi dan teknologi** yang memberi manfaat kepada komuniti termasuk golongan B40 dan asnaf.

Bagi **Tema 4, keberkesanan pengurusan UiTM CPP** dilihat melalui **impak positif kepada pelanggan dalaman dan luaran**. Hasil pengurusan yang efektif, UiTM CPP telah **meraih pencapaian cemerlang** sehingga melebihi sasaran dalam **9 PI yang melibatkan bidang penyelidikan, penerbitan & pengkomersialan** pada tahun 2023. Sinergi pengurusan

UiTM CPP bersama warganya membawa kepada **peningkatan tren bagi penjana pendapatan UiTM** hasil pengkomersialan yang turut memberi manfaat kepada pelanggan dalaman dan luaran.

Kecemerlangan UiTM CPP dalam bidang tumpuan ternyata menghasilkan pelbagai kejayaan lain termasuk peningkatan aktiviti melibatkan jalinan MoU/MoA, kecemerlangan inovasi dan pengkomersialan, penglibatan aktif bersama komuniti serta memberi impak positif kepada pelanggan. **Hasil sinergi dan komitmen tinggi** yang wujud dalam kalangan warga UiTM CPP telah melonjak ketampakan UiTM CPP ke peringkat global selaras GRU UiTM2025.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0060_HB02_20241_H2_K0060_HB02_20241_HASIL_2_TAHAP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0060_HB03_20242_H2_K0060_HB03_20242_HASIL_2_TREN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0060_HB04_20243_H2_K0060_HB04_20243_HASIL_2_PERBANDINGAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0060_HB05_20244_H2_K0060_HB05_20244_HASIL_2_KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL DARI SUMBER MANUSIA: PENGURUSAN SUMBER MANUSIA YANG EFEKTIF MEMACU KEUNGGULAN MASYARAKAT MADANI

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan sumber manusia yang cekap dan efektif amat penting kerana sumber manusia adalah jentera yang mengerakkan pencapaian sesebuah universiti. **Sinergi pengurusan kanan bersama warga UiTM CPP yang efisien** telah berjaya meningkatkan kecemerlangan warga yang berpotensi tinggi sehingga dapat bersaing di arena **penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan** di peringkat nasional dan antarabangsa, sekaligus menyerlahkan **ketampakan UiTM CPP sehingga ke peringkat global**. Hasil ini ditonjolkan melalui **3 tema utama** iaitu;

1. Kecemerlangan warga UiTM CPP sebagai penyelidik utama
2. Kesarjanaan dan kepakaran warga UiTM CPP
3. Peningkatan purata skor indeks kegembiraan warga UiTM CPP (Happiness Index; UHI 5.0)

Bagi tema 1, kecemerlangan warga UiTM CPP sebagai penyelidik utama dapat dilihat melalui peningkatan pencapaian dalam perolehan geran antarabangsa, nasional dan industri. **Peningkatan ketara dapat dilihat sebanyak 330%** dalam perolehan geran industri oleh penyelidik utama. Kecemerlangan ini diperolehi melalui **inisiatif strategik pengurusan sumber manusia** sehingga dinobatkan Anugerah **bagi** kategori Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti bagi tahun 2023 bagi 5 kategori. Impak penyelidikan juga telah menyumbang kepada peningkatan **bilangan H-Indeks Scopus dan WoS yang tinggi** sekaligus **meningkatkan bilangan sitasi** dalam penerbitan. Kejayaan ini telah menyumbang kepada **peningkatan skor MyRA, skor i-UiTM** seterusnya meningkatkan **penarafan UiTM di dalam QS Ranking**.

Tema 2, Kesarjanaan dan kepakaran warga UiTM CPP juga terus cemerlang apabila berlaku **peningkatan sebanyak 134% bagi** warga yang berkecemerlangan PhD dan peningkatan sebanyak **100%** pada tahun 2023 warga yang menganggotai **badan professional**. Kesarjanaan ini turut memberi impak positif pada **peningkatan penyeliaan pelajar pascasiswazah antarabangsa** sebanyak **360%**. Kesarjanaan dan kepakaran warga yang berteraskan **pembudayaan nilai ESI dan i-DART** dalam menjayakan bidang tumpuan telah memberikan manfaat yang besar sehingga ke peringkat luar UiTM di mana warga turut menyumbang dalam penyebaran ilmu sebagai **pakar rujuk, reviewer, visiting professor** di samping pemerkasaan dalam **inovasi teknologi** yang berjaya memberi **manfaat kepada komuniti** dan membantu dalam menaikkan taraf **sosio-ekonomi masyarakat** khususnya **golongan B40 seperti Projek i-Mistroom, produk kesihatan** dihasilkan melalui makmal **EMZI Nano Core UiTM CPP**. Peningkatan yang konsisten dalam kesarjanaan dan penglibatan secara aktif dalam badan profesional telah menyumbang kepada hasil penerbitan yang berkualiti tinggi dan hasil penyelidikan yang dapat dikomersialkan sehingga Berjaya melonjakkan **ketampakan UiTM CPP ke peringkat antarabangsa**. Ini membuktikan usaha **kepimpinan kanan dan pengurusan sumber manusia** di UiTM CPP seiring dalam merealisasikan pemerkasaan institusi pengajian tinggi negara selaras dengan **agenda nasional dan GRU 2025**.

Tema 3, purata **skor indeks kegembiraan (Happiness Index; UHI 5.0)** telah berjaya dicapai oleh UiTM CPP pada tahun 2023 ialah **74%**. Penglibatan aktif warga dalam menyumbang pada peningkatan skor indeks kegembiraan telah berjaya menempatkan UiTM CPP pada **kedudukan ke-2 antara keseluruhan cawangan UiTM** sebagai responden kajian UHI 5.0. Hasil ini menunjukkan **warga UiTM CPP sangat komited dan cakna berkenaan tahap kegembiraan diri dan warga** dalam membentuk ruang kerja yang kondusif dan menggembirakan. Sekaligus,

menunjukkan pengurusan kanan UTM/UPF mengambil berat mengenai tahap kegembiraan staf dan terbukti apabila berjaya **mencapai sasaran** bagi **PI096** *Number of activity related to happiness index* dan **PI039** *Number of programme related to emotional well-being*. Kegembiraan warga dibuktikan dengan peningkatan pencapaian **skor i-UiTM sehingga 93%** sekaligus dinobatkan **10 anugerah berprestij berkaitan bidang tumpuan**.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0060_HB02_20241_H3_K0060_HB02_20241_HASIL_3_TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0060_HB03_20242_H3_K0060_HB03_20242_HASIL_3_TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0060_HB04_20243_H3_K0060_HB04_20243_HASIL_3_PERBANDINGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0060_HB05_20244_H3_K0060_HB05_20244_HASIL_3_KEPENTINGAN.pdf](#)